

The copyright © of this thesis belongs to its rightful author and/or other copyright owner. Copies can be accessed and downloaded for non-commercial or learning purposes without any charge and permission. The thesis cannot be reproduced or quoted as a whole without the permission from its rightful owner. No alteration or changes in format is allowed without permission from its rightful owner.



**KETIDAKPATUHAN CUKAI KORPORAT: KAJIAN KE
ATAS INDUSTRI PERMOTORAN, PEMBORONGAN
DAN PERUNCITAN DI MALAYSIA**

NORLIZA BINTI GHAZALI



**IJAZAH SARJANA SAINS
(PERAKAUNAN ANTARABANGSA)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Ogos 2018**

**KETIDAKPATUHAN CUKAI KORPORAT: KAJIAN KE ATAS INDUSTRI
PERMOTORAN, PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN DI MALAYSIA**

Oleh

NORLIZA BINTI GHAZALI



UUM
Universiti Utara Malaysia

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada:
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business,
Universiti Utara Malaysia,
Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Memperolehi
Ijazah Sarjana Sains
(Perakaunan Antarabangsa)**



PERAKUAN KERJA KERTAS PENYELIDIKAN
(*Certification of Research Paper*)

Saya, mengaku bertandatangan, memperakukan bahawa
(*I, the undersigned, certified that*)

NORLIZA BINTI GHAZALI (819517)

Calon untuk Ijazah Sarjana
(*Candidate for the degree of*)

MASTER OF SCIENCE (INTERNATIONAL ACCOUNTING)

telah mengemukakan kertas penyelidikan yang bertajuk
(*has presented his/her research paper of the following title*)


**KETIDAKPATUHAN CUKAI KORPORAT: KAJIAN KE ATAS INDUSTRI PERMOTORAN,
PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN DI MALAYSIA**

Seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas penyelidikan
(*as it appears on the title page and front cover of the research paper*)

Bahawa kertas penyelidikan tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu
dengan memuaskan.

(*that the research paper acceptable in the form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered
by the research paper*).

Nama Penyelia : **DR. IDAWATI BINTI IBRAHIM**
(*Name of Supervisor*)

Tandatangan : 
(*Signature*)

Tarikh : _____
(*Date*)

KEBENARAN UNTUK PENGGUNAAN

Perbentangan kertas projek ini adalah bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk ijazah sarjana dari Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan universiti ini secara bebas boleh membuat pemeriksaan mengikut kesesuaian. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk menyalin kertas disertasi / projek ini dalam apa-apa cara, secara keseluruhan atau sebahagiannya, untuk tujuan ilmiah boleh diberikan oleh penyelia saya atau dalam ketiadaan mereka, oleh Dekan Sekolah Pengajian Siswazah Othman Yeop Abdullah di mana saya membuat kertas projek ini. Difahamkan bahawa apa-apa penyalinan atau penerbitan atau penggunaan bahagian kertas disertasi / projek itu untuk keuntungan kewangan tidak dibenarkan tanpa izin bertulis dari saya. Adalah difahami bahawa pengiktirafan yang sewajarnya akan diberikan kepada saya dan UUM dalam apa-apa penggunaan ilmiah yang boleh dibuat daripada apa-apa bahan dalam tesis saya.

Permintaan kebenaran untuk membuat atau menyalin penggunaan bahan lain dalam kertas projek ini secara keseluruhan atau sebahagiannya harus di alamatkan kepada:

Dekan
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Isu utama yang dihadapi pihak berkuasa cukai adalah untuk menangani ketidakpatuhan cukai. Dalam memantapkan kutipan dan aktiviti pematuhan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah melaksanakan Program Audit Cukai melalui aktiviti pematuhan audit meja dan audit luar mengikut segmen pembayar cukai iaitu *Industry Based Audit*. Melalui program ini tumpuan ke atas industri terpilih yang tertinggi adalah dari industri permotoran, pemborongan dan peruncitan. Oleh itu, kajian ini adalah sebagai usaha untuk menyiasat berkenaan jenis sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai di kalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan serta mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan iaitu jenis industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat dengan ketidakpatuhan cukai. Sampel sasaran adalah sebanyak 2,303 kes audit luar syarikat dari industri permotoran, pemborongan dan peruncitan yang diselesaikan dalam tahun 2015 oleh LHDNM. Data sekunder yang diperolehi dari LHDNM dianalisa secara kuantitatif menggunakan analisis statistik deskriptif dan regresi. Penemuan kajian menunjukkan bahawa industri pemborongan didapati paling tertinggi tidak patuh cukai dan terdapatnya perbezaan signifikan antara saiz syarikat dengan ketidakpatuhan cukai. Manakala tiada perbezaan signifikan antara jenis industri, kecairan kewangan dan lokasi syarikat dengan ketidakpatuhan cukai syarikat. Keputusan kajian ini diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada literatur percukaian dan dapat memberi input kepada pihak berkuasa cukai dalam mempertingkatkan strategi pematuhan cukai dikalangan syarikat.

Kata kunci: ketidakpatuhan cukai, pelarasan audit, industri permotoran, industri pemborongan, industri peruncitan.

ABSTRACT

The main issue faced by the tax authorities is to overcome tax non-compliance. In enhancing collection and compliance activities, the Inland Revenue Board of Malaysia (IRBM) has implemented the Tax Audit Programme through desk and field audit compliance activities according to the taxpayer segment, Industry Based Audit. Through this programme focusing on the highest selected industries is from the automotive, wholesale and retailing industries. Therefore, this study is an attempt to investigate which sub-industry among automotive, wholesale and retailing industries involves the highest tax non-compliance and to know whether there are significant differences in the type of industry, company size, financial liquidity and company location with company tax non-compliance in automotive, wholesale and retailing industries in Malaysia. The target sample was 2,303 cases of field audit from the automotive, wholesale and retailing industries completed in 2015 by LHDNM. Secondary data obtained from IRBM were analyzed quantitatively using descriptive statistics. The findings of the study show that the wholesale sub-industry was found to be a sub-industry with the highest tax non-compliance and there was a significant difference between the size of the company and tax non-compliance. While there is no significant differences between the types of industry, financial liquidity and the location of the company with company tax non-compliance. The results of this study are expected to add value to the tax literature in assisting tax authorities in enhancing tax compliance strategies among companies.

Key words: tax non-compliance, audit adjustment, automotive industry, wholesale industry, retail industry.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan penghargaan tertinggi kepada Allah S.W.T atas limpah kurnia dan keizinanNya, saya akhirnya berjaya menyelesaikan kertas penyelidikan ini dalam tempoh yang ditetapkan. Terima kasih kepada kepada suami tercinta, Izdihar Abdul Wahab, atas kesabaran dan sokongan sepanjang tempoh menyiapkan kertas penyelidikan ini. Juga, berbanyak terima kasih kepada keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan semangat sepanjang penyiapan kertas penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Dr Idawati Ibrahim atas bantuan dan bimbingan berharga sepanjang penyempurnaan kertas penyelidikan ini. Saya dengan rendah hati mengucapkan terima kasih atas semua kebaikan dan curahan ilmu yang diberi dan semoga Allah, melimpahkan keberkatan dan dan dibalas dengan ganjaran kebaikan atas ilmu dan bimbingan ini. Akhir sekali, terima kasih kepada semua pensyarah terutama yang terlibat dalam Program Ijazah Sarjana Sains (Perakaunan Antarabangsa), rakan sekerja, pengurusan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang telah menyediakan kemudahan, bantuan dan kebenaran dalam menggunakan data dalaman dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya dalam menyelesaikan kertas penyelidikan ini.

SENARAI ISI KANDUNGAN

KEBENARAN UNTUK PENGGUNAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
SENARAI ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBARAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB 1	1
Pengenalan	1
1.1 Latarbelakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	8
1.3 Persoalan Kajian	11
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Kepentingan Kajian	12
1.6 Skop dan Limitasi Kajian	14
1.7 Definisi Terma Utama	15
1.7.1 Pematuhan Cukai	15
1.7.2 Audit Cukai	17
1.7.3 Industri Permotoran, Pemborongan dan Peruncitan	18
1.8 Susunan Kajian	18
BAB 2	20
SOROTAN LITERATUR	20
2.1 Pengenalan	20
2.2 Ketidakpatuhan Cukai Syarikat	20

2.3	Teori Asas	27
2.4	Kajian Terdahulu ke atas Ketidakpatuhan Cukai Syarikat	29
2.5	Faktor-Faktor Penentu Ketidakpatuhan Cukai.....	30
2.5.1	Jenis Sub-Industri dan Ketidakpatuhan Cukai.....	30
2.5.2	Saiz Syarikat dan Ketidakpatuhan Cukai.....	32
2.5.3	Kecairan Kewangan Syarikat dan Ketidakpatuhan Cukai	36
2.5.4	Lokasi dan Ketidakpatuhan Cukai	38
2.6	Ringkasan Bab	39
BAB 3		41
METODOLOGI.....		41
3.1	Pengenalan	41
3.2	Kerangka Kajian	41
3.3	Rekabentuk Kajian.....	43
3.4	Definisi Operasi	44
3.4.1	Ketidakpatuhan Cukai	44
3.4.2	Jenis Sub-Industri	45
3.4.3	Saiz Syarikat	46
3.4.4	Kecairan Kewangan Syarikat	48
3.4.5	Lokasi Syarikat	48
3.5	Pengumpulan Data	49
3.5.1	Populasi Kajian dan Sampel	50
3.5.2	Prosedur Pengumpulan Data.....	51
3.6	Teknik Analisa Data	52
3.7	Ringkasan Bab	54
BAB 4		55
KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN		55
4.1	Pengenalan	55

4.2	Profail Demografik Syarikat Industri Permotoran, Pemborongan dan Peruncitan di Malaysia.....	55
4.3	Analisa Kekerapan (<i>Frequency</i>) dan Min.....	58
4.4	Pengujian Andaian Analisa Parametrik	59
4.4.1	Andaian Kenormalan	59
4.4.2	Multikolineariti	61
4.4.3	Kelinearan.....	63
4.5	Analisis <i>ANOVA</i> Sehalu.....	63
4.6	Analisis Regresi Berganda.....	66
4.7	Ringkasan Bab	70
BAB 5		72
	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN.....	72
5.1	Pengenalan	72
5.2	Perbincangan Keputusan Kajian	72
5.2.1	Jenis Sub-Industri Tertinggi Tidak Patuh Cukai Dalam Industri Permotoran, Pemborongan dan Peruncitan di Malaysia	73
5.2.2	Perbezaan Signifikan Jenis Sub-Industri, Saiz Syarikat, Kecairan Kewangan Syarikat dan Lokasi Syarikat Dengan Ketidapatuhan Cukai Dalam Industri Permotoran, Pemborongan dan Peruncitan di Malaysia	74
5.3	Implikasi Kajian dan Cadangan Penambahbaikan.....	76
5.3.1	Implikasi Teori	76
5.3.2	Implikasi Praktikal.....	78
5.4	Limitasi Kajian.....	80
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang.....	81
5.6	Rumusan Kajian.....	82
	RUJUKAN	84
	LAMPIRAN	92

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 Peratusan Sumbangan Cukai Syarikat Tahun 2015	2
Jadual 1.2 Hasil Cukai dan Komponen Cukai Langsung (RM Juta)	3
Jadual 1.3 Prestasi Audit Cukai Keseluruhan Bagi Audit Luar dan Audit Meja	4
Jadual 1.4 Prestasi Audit Luar	5
Jadual 1.5 Statistik Bilangan Fail Selesai Audit Luar Syarikat berdasarkan Sistem Pengurusan Kes (<i>CMS</i>)	9
Jadual 1.6 Prestasi Audit Mengikut Industri Terpilih	10
Jadual 3.1 Pengukuran Pembolehubah Ketidakpatuhan Cukai	45
Jadual 3.2 Pengukuran Pembolehubah Jenis Industri	46
Jadual 3.3 Pengukuran Pembolehubah Saiz Syarikat	47
Jadual 3.4 Pengukuran Pembolehubah Kecairan Kewangan Syarikat	48
Jadual 3.5 Pengukuran Pembolehubah Lokasi Syarikat	49
Jadual 3.6 Klasifikasi Cawangan	49
Jadual 3.7 Ringkasan Prosedur Pemilihan Sampel	51
Jadual 3.8 Maklumat yang Diekstrak dari Bahagian L Borang C	52
Jadual 3.9 Data Kod <i>SPSS</i>	54
Jadual 4.1 Profail Demografik Syarikat dalam Industri Permotoran, Pemborongan dan Peruncitan di Malaysia	57
Jadual 4.2 Analisa Kekerapan (<i>Frequency</i>) dan Min Mengikut Sub-Industri	59
Jadual 4.3 Nilai Toleransi dan VIF	62
Jadual 4.4 Nilai Toleransi dan VIF	62
Jadual 4.5 Min (Log Jumlah Pelarasan) Mengikut Sub-Industri	64

SENARAI JADUAL

Jadual 4.6 Keputusan <i>ANOVA</i> Sehalu Jenis Sub-Industri	65
Jadual 4.7 <i>ANOVA</i>	65
Jadual 4.8 Keputusan Model Analisis Regresi Berganda	66
Jadual 5.1 Ringkasan Keputusan Kajian	76



SENARAI GAMBARAJAH

Gambarajah 2.1 Model Pematuhan Cukai Fischer 1992	28
Gambarajah 3.1 Model Kerangka Kajian	42
Gambarajah 4.1 Plot Kebarangkalian Normal.....	60
Gambarajah 4.2 Histogram.....	61
Gambarajah 4.3 Plot Taburan <i>Scatter</i>	63



SENARAI SINGKATAN

ACP	Akta Cukai Pendapatan
ATO	<i>Australian Taxation Office</i>
BNCP	Borang Nyata Cukai Pendapatan
CMS	<i>Case Management System</i>
IRS	<i>Internal Revenue Service</i>
JPC	Jabatan Pematuhan Cukai
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
LHDNM	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
OECD	<i>Organization for Economic Co-operation and Development</i>
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
STS	Sistem Taksir Sendiri
STSC	Sistem Taksir Sendiri Syarikat
TCMP	<i>Tax Compliance Measurement Program</i>
VCBLM	<i>Voluntary Compliance Baseline /measurement</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Kajian

Pembangunan sesebuah negara adalah bergantung kepada kesejahteraan masyarakat dan sumber kewangan yang kukuh hasil daripada pengurusan kewangan yang cekap sesebuah negara. Sebagai negara membangun, percukaian memainkan peranan ekonomi yang penting di Malaysia dan kekal menjadi sumber utama hasil kerajaan. Cukai telah dikategorikan kepada dua jenis iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung. Cukai pendapatan merupakan punca utama cukai langsung dengan cukai syarikat mewakili bahagian tertinggi pendapatan cukai pendapatan. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) merupakan organisasi yang bertindak sebagai ejen kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan di Malaysia.

Berdasarkan kepada prestasi kutipan LHDNM pada tahun 2015, sebanyak 55.34% iaitu RM121.236 bilion daripada RM219.089 bilion hasil persekutuan adalah disumbangkan oleh Cukai Langsung Kasar (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, 2015). Daripada jumlah ini, RM71.098 bilion dikutip dari cukai syarikat; yang menyumbang 59.29% kepada Kutipan Cukai Langsung Kasar, 58.51% kepada jumlah Unjuran Disemak Kerajaan dan 32.45% kepada Hasil Cukai Persekutuan (LHDNM, 2015). Peratusan sumbangan cukai syarikat pada tahun 2015 kepada kutipan cukai

langsung kasar, kutipan bersih unjuran disemak kerajaan dan hasil persekutuan dinyatakan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1

Peratusan Sumbangan Kutipan Cukai Syarikat Tahun 2015

	RM Bilion	Peratusan Sumbangan Cukai Syarikat
Kutipan Cukai Langsung Kasar	121.236	59.29%
Kutipan Bersih dari Unjuran Disemak Kerajaan	116.760	58.51%
Hasil Persekutuan	219.089	32.45%

Sumber: Laporan Tahunan LHDNM 2015

Kutipan cukai pendapatan syarikat adalah komponen utama kutipan cukai langsung, diikuti cukai pendapatan petroleum dan cukai pendapatan individu. Sepanjang sepuluh tahun yang lalu, cukai syarikat menyumbang lebih 40% daripada jumlah kutipan cukai langsung di Malaysia (Kementerian Kewangan Malaysia, 2015). Mulai tahun 2014, sumbangan cukai syarikat kepada cukai langsung adalah melebihi 50%. Jadual 1.2 menunjukkan perbandingan kutipan berdasarkan komponen cukai langsung dari tahun 2006 hingga 2015.

Jelas bahawa hasil cukai syarikat adalah penyumbang tertinggi kepada hasil Kerajaan Malaysia berbanding dengan cukai langsung lain seperti cukai individu, cukai petroleum, cukai pegangan, cukai keuntungan hartanah (CKHT) dan duti setem (Abdul Wahab, 2015). Walaupun berlaku pengurangan keseluruhan kadar cukai syarikat dari 28% pada tahun 2008 kepada 24% pada tahun 2016, kutipan cukai syarikat terus meningkat dan dijangkakan bahawa komposisi cukai pendapatan syarikat ini akan terus meningkat berkembang hampir 60% daripada jumlah cukai

langsung pada tahun 2016 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2015). Oleh itu, kepentingan sumber dari cukai syarikat kepada Malaysia menunjukkan bahawa sebarang ketidakpatuhan cukai akan menyebabkan negara mengalami kekurangan dana untuk membiayai pembangunan (Mohd Kasim, 2016).

Jadual 1.2

Hasil Cukai dan Komponen Cukai Langsung (RM Juta)

Tahun	Jumlah Hasil Cukai	Komposisi Cukai Langsung kepada Jumlah Hasil Kerajaan	Jumlah Cukai Langsung	Komponen Cukai Langsung			
				Cukai Syarikat	Cukai Individu	Cukai Petroleum	Lain-Lain Cukai Langsung
	(RM'000)	(%)	(RM'000)	(%)	(%)	(%)	(%)
2006	86,631	49.84	61,573	43.00	16.56	33.58	6.86
2007	95,168	49.61	69,396	46.33	16.80	29.47	7.40
2008	112,898	51.40	82,138	45.95	18.22	29.45	6.38
2009	106,504	49.40	78,375	38.53	19.89	34.74	6.83
2010	109,515	49.49	79,009	45.90	22.54	23.68	7.88
2011	134,885	55.14	102,242	45.86	19.76	27.14	7.24
2012	151,643	56.24	116,939	43.86	19.65	29.02	7.47
2013	155,952	55.45	120,523	48.27	19.13	24.69	7.92
2014	164,205	57.45	126,742	51.47	19.27	21.27	7.99
2015	170,018	52.49	116,760	58.51	24.11	8.16	9.21

Sumber: <http://www.treasury.gov.my/index.php/en/economy/economic-data.html>

Rasional kepada pengenalan cukai adalah bertujuan membolehkan sesebuah kerajaan membiayai perbelanjaan serta pembangunan negaranya dan pada masa yang sama mengimbangi jurang pendapatan antara golongan yang berpendapatan tinggi dengan golongan yang berpendapatan rendah (Lymer & Oats, 2009). Walaupun mengetahui percukaian merupakan sesuatu yang memberikan manfaat kepada semua, namun terdapat pihak-pihak tertentu yang didapati cuba mengelak atau melarikan diri daripada membayar cukai yang telah mencetuskan keadaan ketidakpatuhan cukai (Saad, 2012).

Tahap pematuhan cukai yang tinggi dan pentadbiran cukai yang berkesan adalah ciri penting dalam mana-mana sistem cukai untuk memastikan pengumpulan hasil cukai yang saksama. Adalah penting bagi negara-negara di mana sebahagian besar perbelanjaan kerajaan dibiayai oleh pendapatan cukai untuk mempunyai tahap pematuhan yang tinggi (Chung & Trivedi, 2003). Ini boleh dicapai apabila negara mempunyai pematuhan cukai yang baik dari segi pemfailan, pelaporan dan pembayaran (LHDNM, 2015). Oleh yang demikian, pematuhan terhadap undang-undang percukaian perlu dikuatkuasakan dengan tegas dan kesalahan percukaian seperti ketidakpatuhan dan mengelakkan cukai perlu diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang.

Berdasarkan kepada laporan tahunan LHDNM 2015, prestasi audit cukai keseluruhan bagi audit luar dan audit meja untuk tahun 2015 telah mencatatkan peningkatan 120% berbanding tahun 2014 iaitu 138,203 kes audit syarikat telah diselesaikan dengan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM7,783.69 juta seperti dinyatakan dalam Jadual 1.3.

Jadual 1.3

Prestasi Audit Cukai Keseluruhan Bagi Audit Luar dan Audit Meja

Tahun	2015		2014	
	Bilangan Kes Selesai	Cukai dan Penalti (RM)	Bilangan Kes Selesai	Cukai dan Penalti (RM)
Kes Syarikat	138,203	7,783,693,882	98,615	2,307,798,761
Kes Bukan Syarikat	1,576,709	2,059,835,352	1,771,317	2,169,621,402
Jumlah Terkumpul	1,714,912	9,843,529,234	1,869,932	4,447,420,163

Sumber: Laporan Tahunan LHDNM 2015

Daripada keseluruhan jumlah kes audit yang disebut di atas, kes audit luar yang diselesaikan dalam tahun 2015 adalah berjumlah 37,305 kes telah menurun sebanyak 7% berbanding tahun 2014 sebanyak 40,216 kes. Walau bagaimanapun, jumlah cukai tambahan dan penalti penyelesaian kes audit luar untuk tahun 2015 telah meningkat sebanyak 264% iaitu sebanyak RM3.972 juta berbanding tahun 2014 berjumlah RM1.092 juta seperti ditunjukkan di Jadual 1.4 di bawah.

Jadual 1.4
Prestasi Audit Luar

	2015	2014
Kes Selesai	37,305	40,216
Cukai Dan Penalti (RM)	3,972,423,691	1,092,143,888

Sumber: Laporan Tahunan LHDNM 2015

Keadaan ini menunjukkan walaupun bilangan kes yang diaudit berkurangan, namun hasil kutipan cukai tambahan terus meningkat. Peningkatan ini membuktikan kegiatan ketidakpatuhan cukai berlaku secara berterusan dalam persekitaran cukai di Malaysia. Ketidakpatuhan cukai wujud selari dengan pengenalan sistem percukaian (Wentworth & Rickel, 1985) dan menurut Hai dan See (2011), masalah ketidakpatuhan cukai telah menjadi lebih serius setelah perlaksanaan Sistem Taksir Sendiri (STS). Di bawah sistem STS, pelaporan yang betul serta pematuhan ke atas undang-undang cukai dalam mengisytiharkan pendapatan dan menuntut perbelanjaan sebenar beserta pengiraan liabiliti cukai adalah tanggungjawab sepenuhnya pembayar cukai (LHDNM, 2015).

Ketidakpatuhan cukai bukan senario asing bagi kebanyakan badan pentadbir cukai. Menurut laporan *Her Majesty's Revenues and Customs* (HRMC), jumlah cukai yang gagal dikutip adalah sebanyak £42 bilion (paun sterling) di mana £15 bilion daripada

jumlah keseluruhan tersebut disebabkan aktiviti penipuan cukai, pengelakkan cukai dan aktiviti jenayah untuk tempoh tahun 2008 hingga 2009 (Yusof, Ming, & Wah, 2014).

Kajian terhadap isu ketidakpatuhan cukai telah dilaksanakan melibatkan pengkaji dari dalam dan luar Malaysia yang melibatkan pelbagai aspek penyelidikan antaranya; takrifan pematuhan dan ketidakpatuhan cukai (Andreoni, Erard & Feinstein, 1998; Brown & Mazur, 2003); kos pematuhan cukai (Abdul Jabbar, 2009); faktor-faktor ketidakpatuhan cukai (Palil, 2010); pelaku ketidakpatuhan cukai (Che Saruji & Palil, 2012) dan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai (Ming, Yaacob, Omar, Abdul Aziz, & Bee, 2013). Walaupun kajian terdahulu berkaitan ketidakpatuhan cukai telah menyentuh beberapa perkara seperti definisi, teori, faktor ketidakpatuhan dan pelaku, namun masih terdapat beberapa isu yang perlu dijelaskan dengan lebih lanjut. Antara perkara yang kurang dijelaskan adalah berkaitan faktor-faktor ketidakpatuhan yang menjurus kepada industri tertinggi tidak patuh cukai dan kategori pelaku ketidakpatuhan cukai di kalangan syarikat dari industri tertentu.

Selain itu, antara sebab untuk mengambil pertimbangan ke atas kajian ketidakpatuhan cukai pada masa lalu adalah kajian yang dijalankan di kalangan pembayar cukai syarikat adalah terhad. Kebanyakkan kajian lepas memfokus kepada pembayar cukai individu. Beberapa penyelidikan cukai seperti Rice (1992) dan Joulfaian (2000) berhujah bahawa literatur mengenai pematuhan cukai individu telah menyediakan rangka kerja formal untuk menganalisa ketidakpatuhan cukai syarikat. Manakala, Chan dan Mo (2000) mendakwa bahawa bukti mengenai tingkah laku pematuhan cukai individu tidak boleh secara umum digariskan bagi menjelaskan tingkah laku

ketidakpatuhan cukai syarikat.

Kajian terdahulu ke atas ketidakpatuhan cukai yang relevan kepada pematuhan cukai syarikat yang melibatkan penggunaan data sekunder iaitu data dari *Tax Compliance Measurement Program* (TCMP) pembayar cukai dari Amerika Syarikat melibatkan kajian oleh Rice (1992), Kamdar (1997), Mills (1998), Joulfaian (2000) dan Halon, Mills dan Slemrod (2005). Kajian mengenai ketidakpatuhan cukai syarikat tersebut telah mencadangkan kesan faktor kadar cukai marginal (Kamdar, 1997; Joulfaian, 2000) dan ciri-ciri syarikat seperti pemilikan asing, saiz syarikat dan jenis industri (Rice, 1992; Chan dan Mo, 2000; Hanlon et al., 2007) telah memberi kesan ketidakpatuhan cukai syarikat. *TCMP* adalah sistem yang digunakan oleh *Internal Revenue Service* (IRS) dalam menganggar kepatuhan ke atas undang-undang cukai dan jumlah kehilangan cukai akibat ketidakpatuhan cukai tersebut melalui aktiviti audit yang dijalankan (Rotz, Mulrow dan Falk, 1994).

Manakala di Malaysia, kajian terdahulu berkenaan ketidakpatuhan atau pematuhan cukai adalah menggunakan data-data kes audit yang diselesaikan sehingga tahun 2011 dan kesan atas faktor-faktor syarikat seperti kadar cukai marginal, kadar penalti, kecairan kewangan syarikat dan lokasi terhadap ketidakpatuhan cukai syarikat selain hanya tertumpu kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Antara kajian yng menggunakan data penyelesaian audit tahun 2011 adalah Mohd Yusof et al. (2014) yang mengkaji ketidakpatuhan cukai di kalangan PKS dan Zakaria et al. (2016) yang mengkaji ketidakpatuhan cukai syarikat PKS yang melibatkan transaksi terlindung (*cash economy*). Oleh itu, keputusan mungkin berbeza dikalangan pembayar cukai syarikat dalam situasi semasa.

Permasalahan kajian teoritikal ialah kajian hanya menggunakan soal selidik dalam mendapatkan data kajian. Kajian berdasarkan soal selidik adalah berdasarkan persepsi semata-mata terhadap ketidakpatuhan cukai berbanding kes ketidakpatuhan sebenar. Kajian ini akan membincangkan kekurangan kajian lepas dengan menggunakan data penyelesaian audit tahun 2015 dan mengkaji perbezaan signifikan ketidakpatuhan cukai dikalangan syarikat. Kajian ini menumpukan kepada faktor-faktor penentu ketidakpatuhan cukai syarikat iaitu jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat. Mashadi, Ramli, Palil dan Jaffar (2016) telah menjalankan kajian yang tertumpu kepada bentuk-bentuk ketidakpatuhan di kalangan PKS dan sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai dalam industri pembinaan di Malaysia menggunakan data LHDNM tahun 2013. Kajian ini pula akan mengenalpasti jenis sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai dikalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia dalam tahun 2015. Perbincangan berkaitan isu berbangkit ini dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bahagian berikutnya iaitu pernyataan masalah.

1.2 Pernyataan Masalah

Ketidakpatuhan cukai merupakan satu isu berterusan yang dihadapi oleh kebanyakan badan pentadbir cukai termasuklah LHDNM (Mashadi et al., 2016). Maklumat dalaman LHDNM menunjukkan sebanyak 90.75% daripada jumlah bilangan fail selesai untuk kes audit luar syarikat pada tahun 2015 adalah dengan pelarasan audit manakala hanya 9.25% fail telah diselesaikan tanpa pelarasan audit. Peratusan penyelesaian kes dengan penemuan audit yang tinggi menunjukkan tahap pematuhan cukai masih rendah dikalangan pembayar cukai syarikat dan memerlukan pemerhatian

serius dari pihak berkuasa cukai. Maklumat bilangan penyelesaian kes tersebut dinyatakan seperti di Jadual 1.5.

Jadual 1.5

Statistik Bilangan Fail Selesai Audit Luar Syarikat berdasarkan Sistem Pengurusan Kes (CMS)

	Kuantiti (n)	Peratusan (%)
Bilangan fail selesai pada 31/12/2015	6,478	100.00
Bilangan fail selesai dengan penemuan audit	5,879	90.75
Bilangan fail selesai tanpa penemuan audit	599	9.25

Sumber: LHDNM; Data CMS 2015 daripada Jabatan Operasi Cukai

Melalui program *Industry Based Audit* yang dijalankan oleh LHDNM, tumpuan industri terpilih tertinggi untuk tahun 2015 dan 2016 adalah dari industri membaiki kenderaan bermotor dan motorsikal, pemborong dan peruncitan seperti dinyatakan dalam Jadual 1.6 dengan jumlah cukai dan penalti yang dikutip sebanyak RM274.451 juta pada tahun 2016 berbanding RM231.604 juta pada tahun 2015 (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, 2016). Selari dengan program tersebut, jumlah penyelesaian kes audit luar tertinggi adalah dari industri ini dengan mencatatkan kadar sebanyak 39.17% daripada jumlah keseluruhan syarikat tidak patuh pada tahun 2015 (LHDNM, 2016).

Jadual 1.6

Prestasi Audit Mengikut Industri Terpilih

Industri	Audit Luar Dan Meja Syarikat 2016		Audit Luar dan Meja Syarikat 2015		% Peningkatan
	Kes Selesai	Jumlah Cukai Tambahan dan Penalti (RM)	Kes Selesai	Jumlah Cukai Tambahan dan Penalti (RM)	
Perkilangan	11,919	200,801,297.26	10,159	153,933,502.86	30%
Aktiviti pengurusan dan rawatan bekalan air, pembetulan dan sisa kumbahan	635	11,726,070.72	592	7,046,367.80	66%
Membaiki kenderaan bermotor dan motorsikal, pemborongan dan peruncitan	30,270	274,451,494.06	25,834	231,604,527.04	19%
Komunikasi dan maklumat	4,133	56,021,158.39	3,392	4,403,073.26	1,150%
Aktiviti professional, teknikal dan saintifik	10,473	72,790,674.63	9,677	51,786,895.85	41%

Sumber: Laporan Tahunan 2016, LHDNM

Undang-undang syarikat telah mewajibkan semua penyata kewangan syarikat diaudit dan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang dikemukakan oleh syarikat kebanyakannya telah disediakan oleh ejen cukai, namun ianya masih tidak dapat mengekang masalah ketidakpatuhan cukai di kalangan pembayar cukai syarikat (Wan Omar, 2018). Oleh itu adalah penting untuk mengenalpasti punca masalah ketidakpatuhan ini yang berkemungkinan mempunyai perbezaan yang signifikan antara jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan dan lokasi syarikat. Tatacara pemilihan kes untuk tindakan audit oleh LHDNM yang memberi tumpuan kepada analisa kewangan dan industri tertentu mungkin boleh ditambah dengan faktor-faktor ketidakpatuhan cukai di atas sebagai kriteria tambahan dalam pemilihan kes.

Penglibatan entiti syarikat dengan ketidakpatuhan cukai dinyatakan dalam kajian Mohd Nor, Ahmad dan Mohd Saleh (2010); Ming, Yaacob, Omar, Abdul Aziz dan Wah (2013); dan Mohd Yusof, Ming dan Wah (2014) yang mendapati industri pembinaan adalah dominan terlibat dengan ketidakpatuhan cukai dan dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu syarikat yang cenderung untuk tidak patuh cukai. Di dalam kajian ini, industri-industri di dalam kumpulan permotoran, pemborongan dan peruncitan di kaji dengan lebih mendalam untuk cuba melihat perbezaan dalam ketidakpatuhan cukai syarikat di antara jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat di Malaysia dengan menggunakan data sebenar kes audit cukai yang diselesaikan pada tahun 2015.

1.3 Persoalan Kajian

Fokus utama kajian ini adalah untuk mengetahui jenis sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai dikalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan serta perbezaan signifikan faktor-faktor penentu ketidakpatuhan cukai iaitu jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat di kalangan industri tersebut di Malaysia. Oleh itu, kajian ini cuba untuk menjawab persoalan berikut:

- (a) Apakah jenis sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai dikalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia?
- (b) Adakah jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat mempunyai perbezaan signifikan dengan ketidakpatuhan cukai syarikat di kalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini menetapkan dua objektif utama berkaitan ketidakpatuhan cukai syarikat dikalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia. Secara khusus, objektif kajian adalah seperti berikut:

- (a) Untuk mengetahui jenis sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai dikalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia; dan
- (c) Untuk menyiasat sama ada jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat mempunyai perbezaan signifikan dengan ketidakpatuhan cukai di kalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengetahui sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai dikalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia dan mengetahui sama ada wujudnya perbezaan signifikan faktor-faktor iaitu jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat dengan ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia. Hasil daripada kajian ini diharap dapat mengenalpasti jenis sub-industri yang boleh disasarkan dan ditumpukan untuk tindakan audit oleh LHDNM dalam menangani isu ketidakpatuhan cukai dikalangan syarikat. Tindakan audit yang berkesan boleh dilaksanakan dengan sewajarnya untuk memastikan pembayar cukai mematuhi peruntukan undang-undang cukai semasa dalam era STS. Hasilnya adalah penting bagi LHDNM dalam menilai keberkesanan aktiviti penguatkuasaan semasa dan dapat merangka kawalan yang lebih agresif dalam

menangani ketidakpatuhan cukai. Peranan pentadbir cukai adalah sangat penting dalam meningkatkan kutipan cukai kerana ia akan membantu negara secara keseluruhannya.

Sehubungan itu, kajian ini boleh membantu pentadbir cukai merancang strategi penguatkuasaan yang berkesan terutamanya untuk industri utama. Kajian ini juga akan membantu pihak berkuasa cukai untuk memperluaskan asas penguatkuasaan cukai dengan memeriksa syarikat dikalangan industri yang mempunyai risiko yang tinggi ke atas ketidakpatuhan cukai.

Pada tahun 2016, sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 5.6% merangkumi 54.2% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diterajui kumpulan perkhidmatan akhir yang terdiri daripada subsektor perdagangan borong dan runcit serta kumpulan perkhidmatan perantara yang disokong dengan subsektor maklumat dan komunikasi serta hartanah (Kementerian Kewangan Malaysia, 2016). Segmen runcit dan borong masing-masing mencatatkan peningkatan pertumbuhan KDNK sebanyak 6.3% dan 8.4% pada tempoh separuh pertama 2016 berikutan perbelanjaan berterusan isi rumah dalam segmen runcit dan jualan borong berdasarkan kontrak atau yuran. Segmen kenderaan bermotor mencatatkan pertumbuhan 6.2% pada tahun yang sama. Oleh itu, adalah penting tumpuan lebih tinggi diberikan ke atas industri ini supaya tidak berlaku ketirisan cukai yang mana secara tidak langsung akan mengurangkan pendapatan negara.

Kajian ini menggunakan kes-kes audit cukai sebenar yang diselesaikan oleh LHDNM pada tahun 2015. Aktiviti ketidakpatuhan cukai diukur berdasarkan kepada penemuan audit yang diperolehi daripada aktiviti yang tidak mematuhi undang-undang dan

peraturan cukai yang ditetapkan oleh pembuat polisi. Diharap kajian ini menjadi sumbangan pelengkap kepada kajian sedia ada daripada kajian-kajian terdahulu berkaitan faktor-faktor ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia khususnya dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan.

1.6 Skop dan Limitasi Kajian

Sampel kajian adalah terhad kepada data sekunder kes syarikat yang diaudit dan diselesaikan pada tahun 2015 dan hanya tertumpu kepada industri permotoran, pemborongan dan peruncitan sahaja. Oleh itu, kesimpulan kajian ini tidak dapat dirangkumkan kepada keseluruhan industri syarikat di Malaysia. Rasional disebalik penggunaan data tahun 2015 adalah untuk melihat kepada keberkesanan audit cukai setelah dua tahun audit cukai syarikat diperluaskan ke setiap cawangan LHDNM bermula tahun 2013. Dalam tempoh berkenaan bilangan kes audit cukai yang diselesaikan telah meningkat dan dapat dilihat kepada statistik prestasi penyelesaian kes audit cukai syarikat yang merangkumi PKS dan syarikat besar yang menunjukkan peningkatan bermula tahun 2013. Bilangan kes audit cukai yang diselesaikan pada tahun 2013 berjumlah 83,083 kes, meningkat kepada 98,615 kes pada tahun 2014 dan terus meningkat kepada 138,203 kes pada tahun 2015 (LHDNM, 2015).

Melalui peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP), LHDNM menguatkuasakan empat bentuk ketidakpatuhan cukai iaitu Seksyen 112 berkaitan kegagalan menghantar borang cukai, Seksyen 77(1)(a), (b) dan 77A(1) berkaitan tarikh/tempoh pengemukaan borang cukai, Seksyen 113 dan 114 merujuk kepada perlakuan tidak melaporkan pendapatan, Seksyen 103(1) merujuk kepada kegagalan membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan. Bentuk ketidakpatuhan cukai syarikat yang diukur dalam

kajian ini hanya berdasarkan penemuan audit seperti jualan kurang lapor, belian dan perbelanjaan lebih tuntutan iaitu berkaitan dengan perlakuan tidak melaporkan pendapatan dengan betul di dalam borang cukai pendapatan yang tertakluk di bawah peruntukan Seksyen 113 ACP 1967. Pengukuran ketidakpatuhan ini hanya mengkaji satu daripada empat komponen ketidakpatuhan cukai di Malaysia berdasarkan peruntukan ACP 1967.

Kajian dibuat ke atas empat faktor penentu ketidakpatuhan iaitu jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan dan lokasi syarikat. Kemungkinan terdapat faktor-faktor lain yang turut mempunyai perbezaan signifikan dengan ketidakpatuhan cukai syarikat.

1.7 Definisi Terma Utama

Definisi terma-terma utama yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti dinyatakan di bawah:

1.7.1 Pematuhan Cukai

Pematuhan cukai didefinisikan sebagai kesanggupan pembayar cukai untuk mematuhi undang-undang cukai (Adreoni et al., 1998). Menurut Brown dan Maxur (2003) pula kepatuhan cukai merujuk kepada kombinasi elemen-elemen seperti penghantaran borang, pelaporan pendapatan dan pembayaran cukai. Sebaliknya, ketidakpatuhan cukai adalah sebagai tindakan seseorang individu yang menyalahi perundangan percukaian iaitu dengan mengelakkan diri daripada membayar cukai (Slemrod, 2007).

Tiada definisi khusus berkenaan patuh cukai dan tidak patuh cukai dinyatakan dalam ACP 1967. Keadaan ketidakpatuhan cukai menurut peruntukan ACP 1967 adalah berdasarkan peruntukan beberapa seksyen yang berkaitan penalti dan kesalahan (Mashadi et al., 2016). LHDNM menguatkuasakan empat bentuk ketidakpatuhan cukai iaitu Seksyen 112 berkaitan kegagalan entiti atau individu menghantar borang cukai, Seksyen 77(1)(a), (b) dan 77A(1) berkaitan tarikh/tempoh pengemukakan borang cukai, Seksyen 113 dan 114 merujuk kepada perlakuan tidak melaporkan pendapatan dengan betul di dalam borang cukai pendapatan dan Seksyen 103(1) merujuk kepada kegagalan membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan.

Terdapat beberapa kajian lepas di Malaysia yang cuba menerangkan maksud kepatuhan cukai mengikut peruntukan ACP 1967. Antaranya Kasipillai dan Abdul Jabbar (2006) menyatakan pematuhan cukai merujuk kepada gabungan elemen-elemen seperti penghantaran borang, pelaporan yang benar dan pembayaran cukai. Saad (2012) pula mentakrifkan pematuhan cukai sebagai keadaan di mana pembayar cukai memfailkan borang cukai tepat pada masanya dan melaporkan pendapatan berdasarkan perundangan cukai yang ditetapkan.

Dalam konteks kajian ini, bentuk ketidakpatuhan cukai yang dijadikan dasar kajian adalah mengikut takrifan yang dibuat oleh LHDNM iaitu di bawah peruntukan Seksyen 113 ACP 1967 iaitu berkaitan perlakuan tidak melaporkan pendapatan dengan betul di dalam borang nyata yang dikemukakan.

1.7.2 Audit Cukai

Di Malaysia, audit cukai adalah aktiviti utama LHDNM di bawah STS untuk meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela di kalangan pembayar cukai (LHDNM, 2015). Menurut LHDNM (2015), audit cukai melibatkan pemeriksaan rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai bagi memastikan pendapatan yang sepatutnya dilaporkan dan cukai yang sepatutnya dikira serta dibayar adalah mengikut undang-undang dan peraturan percukaian. LHDNM menjalankan dua jenis audit cukai iaitu audit meja dan audit luar.

Ming et al. (2013) telah menerangkan secara ringkas definisi audit meja dan audit luar yang dijalankan oleh LHDNM. Menurut beliau, audit meja adalah semakan kerja audit yang dijalankan oleh penaksir cukai di pejabat LHDNM berdasarkan maklumat cukai yang dilaporkan di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang dikemukakan oleh pembayar cukai. Pembayar cukai dikehendaki mengemukakan dokumen audit yang diperlukan ke pejabat LHDNM. Manakala, audit luar adalah semakan kerja audit yang dijalankan di premis perniagaan pembayar cukai. Makluman berkenaan lawatan audit akan dimaklumkan melalui surat dan pembayar cukai dikehendaki menyediakan dokumen sokongan rekod-rekod perniagaan berkaitan untuk semakan audit yang akan dijalankan. Matlamat audit cukai adalah untuk memeriksa rekod perniagaan pembayar cukai dan pelaporan kewangan bagi memastikan pelaporan pendapatan yang betul dan pengiraan amaun cukai di bayar adalah menepati undang-undang percukaian (Ming et al., 2003).

1.7.3 Industri Permotoran, Pemborongan dan Peruncitan

LHDNM telah mengeluarkan senarai kod perniagaan sebagai rujukan kepada pembayar cukai dalam membuat pengisian ruangan maklumat jenis perniagaan di dalam borang nyata pendapatan yang dikemukakan pada setiap tahun taksiran (LHDNM, 2015). Senarai kod perniagaan LHDNM ini merangkumi dua puluh satu bahagian kod perniagaan yang di mulai dengan bahagian A hingga bahagian U.

Industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di senaraikan dalam bahagian G kod perniagaan ini. Di dalam kumpulan kod perniagaan ini merangkumi tiga jenis sub-industri utama iaitu (1) industri jualan kenderaan bermotor, komponen dan penyelenggaraan iaitu di bawah kod perniagaan 45101 hingga 45403; (2) industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal iaitu untuk kod perniagaan 46100 hingga 46909; dan (3) industri perdagangan runcit kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal iaitu untuk kod perniagaan 47111 hingga 47999.

1.8 Susunan Kajian

Kajian ini mempunyai lima bab. Bab pertama pengenalan kajian, memberi tumpuan khusus kepada pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan limitasi kajian serta definisi terma utama.

Bab dua mengandungi ulasan mengenai literatur ketidakpatuhan cukai di luar dan di dalam Malaysia. Subtopik pertama menjelaskan takrif konseptual dan kemudian teori yang relevan dengan penyelidikan. Seterusnya kajian literatur terdahulu mengenai ketidakpatuhan cukai syarikat dan faktor-faktor yang dihipotesiskan untuk

mempengaruhi ketidakpatuhan cukai di kalangan syarikat dibincangkan secara terperinci.

Bab tiga membentangkan metodologi dan prosedur penyelidikan yang digunakan untuk teknik pengumpulan data. Secara khusus, bab ini merangkumi reka bentuk penyelidikan, populasi dan sampel kajian, unit analisis, teknik pensampelan, pengukuran pembolehubah, dan teknik analisis data.

Bab empat membentangkan dan membincangkan penemuan kajian secara terperinci. Kaedah Regrasi (*Regression*) digunakan untuk menentukan sama ada wujud perbezaan signifikan antara pembolehubah jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat dengan ketidakpatuhan cukai di kalangan syarikat industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia.

Bab lima menyimpulkan kajian ini dan mencadangkan untuk penyelidikan lanjut dalam bidang ini. Khususnya, bab ini menerangkan limitasi kajian, sumbangan kajian dan kesimpulan.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini memberi tumpuan kepada literatur terdahulu mengenai ketidakpatuhan cukai dan taksiran ketidakpatuhan cukai di bawah ACP 1967. Dimulakan dengan penjelasan definisi syarikat di bawah ACP 1967 serta industri permotoran, pemborongan dan peruncitan. Seterusnya, perbincangan berdasarkan literatur berkenaan hubungan antara pembolehkan jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan dan lokasi syarikat terhadap ketidakpatuhan cukai di kalangan syarikat dalam industri kumpulan perdagangan tersebut. Perbincangan literatur kemudiannya akan mendorong kepada pembentukan hipotesis yang berkaitan.

2.2 Ketidakpatuhan Cukai Syarikat

Syarikat ditakrifkan di bawah Subseksyen 2(1) ACP 1967 sebagai sebuah pertubuhan perbadanan dan termasuk mana-mana badan orang yang ditubuhkan dengan identiti undang-undang yang berasingan oleh atau di bawah undang-undang wilayah di luar Malaysia dan badan amanah. Untuk tujuan cukai, definisi yang digunakan oleh LHDNM bagi mengelaskan syarikat sebagai syarikat kecil dan sederhana iaitu apabila modal berbayar syarikat tidak melebihi daripada RM2.5 juta pada akhir tempoh taksiran.

Roth, Scholz, dan Witte (1989) mendefinisikan pematuhan cukai sebagai aktiviti memfailkan semua penyata cukai yang dikehendaki dan melaporkan liabiliti cukai

dengan tepat menurut kod cukai, peraturan dan keputusan mahkamah yang terpakai pada masa penghantaran difailkan dan penyata cukai dikemukakan pada masa ditetapkan. Andreoni, Erard dan Feinstein (1998) mentakrifkan kepatuhan cukai sebagai kesanggupan pembayar cukai untuk mematuhi undang-undang cukai dan seterusnya, menurut Brown dan Mazur (2003), kepatuhan cukai merujuk kepada kombinasi elemen-elemen seperti penghantaran borang, pelaporan pendapatan dan pembayaran cukai. Takrifan pematuhan berdasarkan definisi yang dikeluarkan oleh badan-badan pentadbir cukai seperti *Australian Taxation Office* (ATO) dan LHDNM mentakrifkan pematuhan sebagai kombinasi elemen-elemen seperti pendaftaran, penghantaran, pelaporan dan pembayaran (Mashadi et al., 2016). Sebaliknya, ketidakpatuhan cukai pula bermaksud tindakan individu yang menyalahi perundangan cukai, iaitu mengelakkan diri daripada membayar cukai (Slemrod, 2007).

Kajian di Malaysia oleh Palil dan Mustapha (2011) mendefinisikan pematuhan cukai berdasarkan kajian empirikal oleh badan pentadbir cukai iaitu IRS (2009), ATO (2009) dan LHDNM (2009); Alm (1991); Jackson dan Miliron (1986) dan Kirchler (2007), sebagai kesanggupan pembayar cukai untuk patuh dengan undang-undang cukai, melaporkan pendapatan, menuntut tolakan, rebat dan pelepasan dengan betul dan membayar cukai pada masa yang ditetapkan. Interpretasi patuh dan tidak patuh cukai juga secara ringkasnya merujuk kepada komponen daftar, hantar, lapor dan bayar (Josephine, 2013.)

Di Malaysia, takrifan ketidakpatuhan cukai secara spesifik adalah berdasarkan kepada seksyen yang berkaitan dengan penalti dan kesalahan di bawah peruntukan ACP 1967. Melalui peruntukan ACP 1967, LHDNM menguatkuasakan empat bentuk

ketidakpatuhan cukai iaitu kegagalan mendaftar sebagai pembayar cukai, tidak atau lewat menghantar borang nyata cukai, tidak melaporkan pendapatan dengan betul dan tidak atau lewat membayar cukai.

Di bawah seksyen 112 ACP 1967 menjelaskan berkenaan kegagalan entiti atau individu menghantar borang nyata cukai. Selain itu, di bawah seksyen 77(1)(a) dan (b) mengkehendaki setiap individu selain suatu syarikat, badan amanah atau koperasi menghantar borang cukai pada atau sebelum 30 Jun (bagi yang menjalankan perniagaan) dan 30 April (yang tiada pendapatan perniagaan) dan di bawah seksyen 77A(1) pula menetapkan tiap-tiap syarikat, badan amanah atau koperasi supaya menghantar borang cukai dalam tempoh tujuh bulan selepas penutupan tempoh perakaunan.

Selain kegagalan mengemukakan borang nyata cukai, ketidakpatuhan juga merujuk kepada perlakuan atau tindakan tidak melaporkan pendapatan dengan betul dalam borang nyata cukai yang dikemukakan. Di bawah peruntukan seksyen 113, kesalahan cukai lebih kepada kesilapan dan kecuaiian dan hukuman yang dikenakan berbentuk bayaran denda tunai manakala di bawah peruntukan seksyen 114, kesalahan cukai yang dilakukan adalah dengan niat dan perancangan yang teliti untuk tidak membayar cukai, maka denda yang lebih berat dikenakan iaitu denda tunai dan hukuman penjara.

Seterusnya, ketidakpatuhan menurut ACP 1967 merujuk kepada kegagalan untuk membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan di bawah peruntukan seksyen 103(1). Peruntukan ini mengkehendaki pembayar cukai untuk menjelaskan bayaran cukai yang dikira selewat-lewatnya pada tarikh akhir pengemukakan borang nyata.

Terdapat beberapa kajian lepas di Malaysia yang menjadikan dasar kajian ketidakpatuhan cukai mengikut takrifan yang dibuat oleh LHDNM dan menerangkan maksud kepatuhan mengikut peruntukan ACP 1967. Antaranya kajian dilakukan oleh Singh (2003) yang mendapati ketidakpatuhan cukai berlaku apabila terdapat kelewatan menghantar borang cukai, tidak melaporkan semua sumber pendapatan menurut perundangan cukai serta tidak membayar cukai yang telah ditentukan. Menurut Kasipillai dan Abdul Jabbar (2006), pematuhan cukai merujuk kepada gabungan elemen-elemen seperti penghantaran borang, pelaporan yang betul dan pembayaran cukai. Saad (2012) pula mendefinisikan pematuhan cukai sebagai suatu keadaan di mana pembayar cukai menfailkan borang cukai tepat pada masanya dan melaporkan pendapatan berdasarkan perundangan cukai yang ditetapkan.

Antara kajian terawal mengenai ketidakpatuhan cukai syarikat disediakan oleh Rice (1992) yang menggunakan data *TCMP* tahun 1980 yang diperolehi dari *IRS*. Dalam kajian tersebut, Rice tidak menemui bukti yang saiz firma mempunyai hubungan dengan pematuhan cukai. Walau bagaimanapun, kajian yang dibuat hanya terhad kepada syarikat bersaiz sederhana sahaja.

Joulfian (2000) mendapati ketidakpatuhan cukai syarikat dipengaruhi oleh eksekutif pengurusan yang gagal patuh kepada cukai pendapatan individu. Penurunan kadar cukai marginal, tahap pendapatan, saiz firma dan kadar audit juga didapati mempengaruhi kepada perlakuan ketidakpatuhan cukai. Manakala, pemilikan asing ke atas firma didapati tidak mempunyai hubungan dalam menentukan pendapatan kurang lapor.

Dalam satu lagi kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat, Hanlon, Mills dan Slemrod (2007) mengkaji hubungan antara ketidakpatuhan cukai syarikat dengan ciri-ciri syarikat. Ukuran ketidakpatuhan adalah berdasarkan jumlah cukai terkurang berdasarkan audit yang dijalankan oleh *IRS*. Ciri-ciri syarikat yang dipilih dalam kajian ini adalah saiz syarikat, jenis industri, pemilikan syarikat (tempatan atau warga asing), syarikat multinasional atau tempatan serta syarikat awam atau swasta. Firma bersaiz lebih besar dan firma tempatan didapati mempunyai kadar kepatuhan cukai yang lebih tinggi. Firma dari industri perkilangan, perdagangan, pengangkutan, pergudangan, pendidikan dan penjagaan kesihatan didapati lebih tidak patuh berbanding firma dari industri lain.

Di Kanada dengan menggunakan kaji selidik dari *World Business Environment Survey*, Tedds (2010) mendapati bahawa firma di seluruh dunia terlibat dengan pelaporan terkurang lapor dan penyebab kedua terbesar dalam pelaporan terkurang lapor adalah disebabkan oleh cukai. Beliau juga mendapati terdapat hubungan signifikan antara pelaporan kurang lapor dengan organisasi undang-undang perniagaan, saiz, industri, umur, pemilikan, persaingan dan kawalan audit. Di Nigeria, kajian berkenaan ketidakpatuhan cukai oleh Atowadi dan Ojeka (2012) mendapati hasil dari tinjauan ke atas 150 buah PKS menunjukkan kadar cukai yang tinggi dan kerumitan prosedur memfailkan cukai adalah faktor paling penting yang menyebabkan ketidakpatuhan cukai.

Kajian ketidakpatuhan cukai dan pengelakkan cukai di Malaysia berkembang bermula dengan kajian ketidakpatuhan cukai melalui tingkah laku individu, perniagaan dan seterusnya kajian dikembangkan di kalangan syarikat. Antaranya ialah kajian oleh

Choong dan Lai (2008) yang mendapati pembayar cukai perniagaan di Malaysia tidak peka sepenuhnya terhadap tanggungjawab cukai. Juahir (2010) mengkaji penipuan dalam pelaporan berdasarkan kes audit yang diselesaikan pada tahun 2004; sementara Zainal Abidin (2010) cuba menganalisa tingkah laku ketidakpatuhan cukai dikalangan syarikat kecil dan sederhana berdasarkan kes audit yang diselesaikan pada tahun 2002 hingga 2005 sementara Khadijah dan Pope (2010) mengkaji penentu-penentu kepada kepatuhan cukai syarikat.

Md Noor, Mastuki, Ismail dan Abdul Aziz (2009) menjalankan siasatan ke atas petunjuk berkemungkinan dalam penipuan penyata kewangan untuk tujuan ketidakpatuhan cukai. Kajian ini mendapati nisbah jualan dan modal kerja dan jumlah hutang ke atas jumlah aset adalah berkaitan dengan ketidakpatuhan cukai syarikat. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak memberi tumpuan kepada faktor-faktor pembolehubah ekonomi seperti kadar cukai dan faktor-faktor syarikat.

Kadar cukai marginal, tahap kecekapan, status pemilikan oleh pengarah, saiz dan perbezaan '*book-tax*' merupakan faktor utama yang mempengaruhi tingkah laku ketidakpatuhan cukai dikalangan syarikat PKS di Malaysia (Md Yassin, Hasseldine & Paton, 2010). Walau bagaimanapun, penemuan ke atas faktor lain seperti kadar cukai dan faktor-faktor syarikat masih tidak konklusif.

Ming et al. (2013) menganalisis profil syarikat tidak patuh cukai serta faktor syarikat dipilih untuk diaudit, tempoh audit dijalankan, pelarasan cukai dan penalti yang dikenakan oleh LHDNM berdasarkan data kes audit yang diselesaikan oleh LHDNM pada tahun 2011. Didapati tiga industri utama yang tidak patuh cukai adalah pembinaan, pengilangan dan perkhidmatan. Manakala tiada bukti statistik yang

menunjukkan syarikat besar lebih patuh berbanding syarikat kecil kerana kedua-dua kategori syarikat adalah tertakluk kepada audit cukai oleh LHDNM. Manakala isu audit yang menyebabkan pengurangan cukai dilaporkan adalah biasanya disebabkan oleh perbelanjaan lebih menuntut dengan lebih separuh dari jumlah kes audit tersebut dikenakan penalti 45%.

Kajian yang dijalankan oleh Mohd Yusof et al. (2014) mengenalpasti beberapa faktor yang boleh mempengaruhi ketidakpatuhan cukai dikalangan PKS di Malaysia berdasarkan penyelesaian kes audit tahun 2011 iaitu kadar penalti, kadar cukai marginal, kecairan kewangan syarikat, pemilikan asing, saiz syarikat dan jenis industri. Berdasarkan kajian ini, kadar cukai marginal dan saiz syarikat mempunyai hubungan signifikan dalam menjadi penentu ketidakpatuhan cukai syarikat. Kajian ini juga menunjukkan industri perkhidmatan dan pembinaan merupakan industri yang paling tinggi terlibat dalam ketidakpatuhan cukai.

Penyiasatan ke atas hubungan antara pengelakkan cukai dan faktor-faktor demografik seperti lokasi, penglibatan ejen cukai, saiz dan jenis industri dalam PKS di Malaysia telah dilakukan oleh Zakaria, Mohamad dan Hamid (2016) menggunakan data audit cukai dari LHDNM untuk tahun 2011. Keputusan kajian mendapati pengelakkan cukai terbesar dikalangan PKS yang terletak di luar bandar (*sub-urban*) dengan nilai jualan kurang dari RM250,000 (bersaiz mikro) dan bersaiz besar daripada RM1,000,000 (bersaiz sederhana) serta tiada penglibatan oleh ejen cukai. Di dapati juga sektor perkhidmatan adalah yang tertinggi terlibat dalam pengelakkan cukai.

Kajian yang dijalankan oleh Mashadi et al. (2016) menjurus kepada empat perkara utama iaitu mengenalpasti gelagat cukai, mengetahui jenis sub-perniagaan yang

dominan tidak patuh cukai, memahami bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai dan melihat hubungan antara gelagat cukai dengan jenis perniagaan dikalangan PKS industri pembinaan di Malaysia. Hasil kajian gelagat cukai menunjukkan faktor jantina, saiz perniagaan bersaiz mikro dan status pemilikan tunggal mempunyai hubungan signifikan dengan ketidakpatuhan cukai. Manakala, didapati jenis sub-perniagaan yang dominan adalah PKS kejuruteraan awam dan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai yang kerap dilakukan oleh entiti PKS pembinaan adalah tidak mendaftar dan tidak atau lewat menghantar borang.


Berdasarkan kepada literatur terdahulu, tiada lagi kajian dilakukan ke atas ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan terutamanya di Malaysia walaupun statistik penyelesaian audit tahun 2015 dan 2016 daripada LHDNM menunjukkan amaun pelarasan yang besar yang merujuk kepada ketidakpatuhan cukai berlaku dalam industri ini. Justeru itu, kajian ini memberikan nilai tambah kepada bidang ilmu melalui dapatan objektif kajian berkenaan sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai dan sama ada jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi mempunyai perbezaan signifikan dengan ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia.

2.3 Teori Asas

Literatur terdahulu menyimpulkan bahawa terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pematuhan cukai. Oleh itu, tiada teori tunggal yang dapat memperjelaskan sepenuhnya perilaku ketidakpatuhan cukai (Alm, 1999). Oleh itu, adalah dicadangkan teori-teori yang merangkumi sosiologi, psikologi dan ekonomi

adalah sesuai digunakan dalam memperjelaskan tingkahlaku pematuhan cukai (Jackson & Millron, 1986).

Untuk tujuan ini, asas untuk membangunkan rangka kerja penyelidikan dan hipotesis kajian ini adalah menggunakan Model Fischer. Jackson dan Miliron (1986) menjalankan kajian komprehensif mengenai literatur pematuhan cukai dan mengenalpasti empat belas faktor utama yang dikaji oleh penyelidik dalam pematuhan cukai. Faktor ini kemudiannya dikategorikan semula oleh Fischer, Wartic dan Mark (1992) kepada empat kumpulan dalam model yang dikembangkan (*extended model*) iaitu demografi, peluang ketidakpatuhan, sikap dan persepsi serta sistem/struktur cukai. Model ini dikembangkan dengan memasukkan pembolehubah ekonomi serta sosiologi dan psikologi.



Gambarajah 2.1

Model Pematuhan Cukai Fischer 1992

Sumber: Chau et al. (2009)

Model Fischer menunjukkan pembolehubah demografik secara tidak langsung mempengaruhi tingkah laku pematuhan cukai melalui kesannya terhadap peluang serta sikap dan persepsi terhadap ketidakpatuhan. Oleh itu, berdasarkan kepada pembolehubah demografik yang dicadangkan oleh model tersebut, faktor-faktor demografik syarikat seperti jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan dan lokasi syarikat secara tidak langsung melalui persepsi dan sikap boleh mempengaruhi ketidakpatuhan cukai syarikat. Faktor-faktor demografik ini juga secara tidak langsung melalui peluang ketidakpatuhan didapati boleh mempengaruhi ketidakpatuhan cukai di kalangan syarikat.

2.4 Kajian Terdahulu ke atas Ketidakpatuhan Cukai Syarikat

Matlamat kajian ini adalah (1) mengetahui jenis sub-industri tertinggi tidak patuh cukai di kalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan; dan (2) perbezaan signifikan faktor-faktor ketidakpatuhan cukai syarikat di dalam industri ini khususnya jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat di Malaysia.

Matlamat kajian ini adalah berdasarkan kepada kajian Ming et al. (2013) dan Mohd Yusof et al. (2014) yang mendapati terdapat industri tertentu yang tertinggi tidak patuh cukai di kalangan syarikat. Walau bagaimanapun, kajian yang tertumpu kepada industri yang tidak patuh cukai adalah sangat kurang dibincangkan di Malaysia. Mohd Yusof et al. (2014) membahagikan penentu ketidakpatuhan cukai kepada faktor-faktor seperti kadar penalti, kadar cukai marginal, kecairan kewangan syarikat, pemilikan asing dan saiz syarikat. Namun, kajian Yusof et al. (2014) ini hanya tertumpu kepada syarikat di kalangan PKS.

Faktor-faktor seperti kadar penalti dan kadar cukai marginal tidak diberi tumpuan dalam kajian ini kerana tiada perubahan kadar penalti audit dan kadar cukai syarikat yang mungkin tidak mempengaruhi ketidakpatuhan cukai pada tahun 2015. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan ke atas faktor-faktor seperti jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan tambahan faktor kajian iaitu lokasi syarikat sama ada mempengaruhi ketidakpatuhan syarikat kerana hanya sedikit kajian dijalankan ke atas faktor ini di Malaysia.

2.5 Faktor-Faktor Penentu Ketidakpatuhan Cukai

Subseksyen ini membincangkan beberapa faktor yang mempengaruhi ketidakpatuhan cukai di kalangan syarikat. Perbincangan dimulakan dengan faktor jenis sub-industri dan diikuti oleh saiz syarikat, kecairan kewangan dan lokasi syarikat.

2.5.1 Jenis Sub-Industri dan Ketidakpatuhan Cukai

Kajian-kajian yang terdahulu mendapati penemuan bercampur mengenai hubungan antara jenis industri dan ketidakpatuhan cukai. Ini berkemungkinan disebabkan pembayar cukai menggunakan strategi yang berbeza dalam pengelakan cukai bagi setiap industri.

Menurut Bankman (2007), industri yang melibatkan transaksi tunai dilihat lebih cenderung terlibat dengan ketidakpatuhan cukai. Pengesanan ke atas transaksi tunai adalah sukar sekiranya tidak direkod dengan betul dan teratur. Ia secara tidak langsung menyukarkan pihak berkuasa cukai dalam menjalankan siasatan ke atas transaksi ini dalam mengenalpasti punca pendapatan diperolehi. Oleh itu, Bankman (2007)

berpendapat cukai pendapatan terkurang bayar oleh perniagaan kebiasaannya disebabkan transaksi penerimaan tunai. Selari dengan kajian Bankman (2007), Morse, Karlinsky dan Bankman (2009) juga mendapati sektor perniagaan yang melibatkan transaksi tunai kebiasaannya akan terkurang lapor pendapatan.

Organization for Economic Co-operation and Development (OECD) (2004) melaporkan bahawa kebanyakan aktiviti yang melibatkan pendapatan kurang lapor di negara maju terdiri daripada perkhidmatan berintensifkan buruh seperti pembinaan dan katering kerana perniagaan ini mempunyai aset tetap yang lebih rendah berbanding perniagaan beintensifkan modal. Kajian lepas juga telah menekankan bahawa terdapat hubungan antara jenis industri dan ketidakpatuhan dikalangan cukai syarikat. Antaranya di Amerika Syarikat, Rice (1992) mendapati industri yang berorientasikan perkhidmatan lebih patuh cukai berbanding industri lain. Walau bagaimanapun, kajian di China oleh Chan dan Mo (2000) mendapati industri yang berorientasikan perkhidmatan adalah kurang patuh berbanding dengan industri pembuatan.

Manakala di Malaysia, Mohd Nor et al. (2010) mendapati bahawa industri pembinaan secara positif dikaitkan dengan pelaporan kewangan palsu. Seterusnya kajian oleh Ming et al. (2013) dan Mohd Yusof et al. (2014) mendapati jenis perniagaan tertentu sememangnya mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai. Keputusan kajian oleh Mohd Yusof et al. telah menyokong keputusan kajian Chan dan Mo (2000) dan Mohd Nor et al. (2010) yang mendapati industri perkhidmatan dan pembinaan adalah kurang patuh cukai. Namun, ketidakpatuhan cukai di dalam industri lain seperti industri permotoran, pemborongan dan peruncitan belum pernah dikaji di Malaysia.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati pelbagai jenis industri mempunyai hubungan dengan ketidakpatuhan cukai. Oleh itu adalah wajar kajian ini dijalankan ke atas jenis sub-industri yang berkemungkinan mempunyai perbezaan yang signifikan dalam ketidakpatuhan cukai syarikat di kalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan. Berdasarkan kepada kajian literatur di atas, hipotesis pertama dibentuk seperti berikut:

H₁: Terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis sub-industri syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia.

2.5.2 Saiz Syarikat dan Ketidakpatuhan Cukai

Tiada kajian yang mentakrifkan secara spesifik maksud saiz syarikat. Berdasarkan kajian terdahulu saiz syarikat diklasifikasikan berdasarkan jumlah aset, jumlah jualan dan jumlah modal berbayar syarikat syarikat.

Kajian terdahulu di Amerika Syarikat telah menggunakan nilai aset sebagai pengukuran saiz syarikat. Kajian ketidakpatuhan cukai ke atas syarikat kecil oleh Rice (1992) telah menggunakan data pembayar cukai dari sistem *TCMP*. Data audit yang digunakan dalam kajian saiz syarikat kecil adalah data syarikat yang mempunyai jumlah aset syarikat iaitu antara \$1 hingga \$10 juta. Rice (1992) mendapati saiz syarikat dan ketidakpatuhan cukai mempunyai hubungan positif yang mana menunjukkan semakin bertambah jumlah jualan syarikat semakin tinggi tahap ketidakpatuhan cukai. Ini menunjukkan syarikat yang mencatatkan keuntungan yang tinggi akan lebih kurang patuh terhadap cukai.

Selari dengan kajian Rice (1992), Joulfian (2000) menjalankan kajian ketidakpatuhan cukai syarikat dikalangan syarikat kecil yang juga menggunakan data *TCMP* untuk data audit tahun 1987 yang turut menggunakan data syarikat yang mempunyai nilai aset antara \$1 hingga \$10 juta. Dalam kajian ini jumlah jualan digunakan sebagai pembolehubah bagi melihat hubungan jumlah jualan dilaporkan dengan ketidakpatuhan syarikat kecil di Amerika. Joulfian (2000) juga mendapati terdapat hubungan positif antara saiz syarikat dengan ketidakpatuhan cukai.

Hanlon (2007) telah menjalankan kajian ketidakpatuhan cukai ke atas saiz firma syarikat menggunakan data audit dari sistem *Voluntary Compliance Baseline Measurement* (VCBLM) telah mengelaskan saiz syarikat mengikut jumlah aset syarikat yang dilaporkan pada penghujung tahun perakaunan. Sampel kajian berjumlah 29,141 syarikat telah dibahagikan kepada tujuh kumpulan mengikut nilai aset. Pembahagian tujuh kategori saiz syarikat ini adalah mengikut Jadual L Borang 1120 *IRS*. Kategori saiz syarikat terkecil dikelaskan untuk jumlah aset kurang \$100 juta dan kategori saiz syarikat terbesar adalah untuk syarikat yang mempunyai jumlah aset melebihi \$5 bilion. Keputusan kajian beliau menunjukkan ketidakpatuhan cukai syarikat relatif berbentuk seperti skala ‘U’ iaitu kadar ketidakpatuhan syarikat kecil dan syarikat besar adalah lebih tinggi berbanding syarikat bersaiz sederhana.

Untuk tujuan mengklasifikasi saiz syarikat bagi tujuan agihan kepada unit audit, LHDNM menggunakan jumlah jualan yang dilaporkan oleh syarikat sebagai penentu untuk agihan fail audit (Mohd Noor et al., 2010). Di Malaysia, kajian oleh Mohd Saleh, Iskandar dan Rahmat (2004) dan Mohd Noor et al. (2010), telah menggunakan jumlah jualan dalam penentuan saiz syarikat mengikut kategori saiz syarikat yang digunapakai

oleh LHDNM. Dalam kajian tersebut saiz syarikat telah dikategorikan kepada lima kumpulan mengikut kumpulan jumlah jualan yang bermula dari (1) RM0 hingga RM500,000, (2) RM500,001 hingga RM1,000,000, (3) RM1,000,001 hingga RM10,000,000, (4) RM10,000,001 hingga RM100,000,000 dan (5) RM100,00,001 dan ke atas. Keputusan kajian yang dibuat menunjukkan saiz syarikat secara positif telah mempengaruhi pematuhan cukai syarikat. Sementara itu, Mohd Yusof et al. (2014) dalam kajiannya ke atas ketidakpatuhan cukai dikalangan PKS, juga telah menggunakan jumlah jualan yang dikategorikan mengikut jumlah tertentu sebagai penentu saiz syarikat dikalangan kumpulan syarikat tersebut.

Definisi yang digunapakai oleh LHDNM berdasarkan peruntukan di dalam ACP 1967 untuk tujuan percukaian mendefinisikan PKS sebagai syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan modal saham berbayar tidak melebihi daripada RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas untuk setahun penilaian. Walau bagaimanapun peruntukan ini hanya terpakai sekiranya syarikat berkenaan tidak dikawal oleh syarikat yang mempunyai modal saham biasa berbayar melebihi RM2.5 juta. Manakala, untuk syarikat yang mempunyai modal saham berbayar RM2.5 juta dan lebih akan dikategorikan sebagai syarikat besar. Jumlah modal berbayar ini akan mempengaruhi kadar cukai yang akan dikenakan ke atas syarikat.

Kajian Ming et al. (2013) menggunakan modal berbayar dan jumlah jualan sebagai pengukuran menentukan saiz syarikat dalam mengkaji faktor saiz syarikat dalam mempengaruhi ketidakpatuhan cukai. Kajian ini menggunakan modal berbayar bagi pengukuran saiz syarikat mengikut kategori PKS atau syarikat besar. Manakala jumlah jualan digunakan bagi mengkaji saiz syarikat dalam lingkungan jumlah jualan tertentu

yang terlibat dengan pelarian cukai. Hasil kajian ini mendapati 58% daripada jumlah syarikat yang diaudit oleh LHDNM dalam tahun 2011 yang terlibat dalam pelarian cukai adalah dikalangan PKS dan 50% daripada jumlah syarikat yang diaudit pada tahun 2011 adalah dari syarikat dengan jumlah jualan antara RM10,000,001 hingga RM100,000,000 (Ming et al., 2013).

Bukti bercampur diperolehi hasil kajian lepas ke atas faktor saiz syarikat dengan ketidakpatuhan cukai. Kajian oleh Rice (1992), Joulfian (2000), Hanlon et al. (2007) dan Mohd Nor et al. (2010) mendapati terdapat hubungan positif antara saiz syarikat dengan ketidakpatuhan cukai. Kajian ini menyokong kajian Zimmerman (1983) yang menyatakan bahawa apabila saiz syarikat berkembang dan menguntungkan, syarikat akan memastikan aliran tunai syarikat teratur dengan tidak membuat pembayaran cukai yang besar kepada kerajaan.

Wallace (2002) menyatakan kos pematuhan cukai menjadi bebanan tambahan kepada firma kecil yang baru ditubuhkan kerana selain daripada tanggungan cukai yang perlu di bayar, perbelanjaan lain seperti bayaran ejen cukai bagi mematuhi peruntukan dan undang-undang percukaian adalah mahal. Untuk mematuhi undang-undang dan peraturan cukai, firma perlu menanggung perbelanjaan tambahan iaitu yuran agen cukai di atas liabiliti cukai. Seterusnya, selaras dengan kajian Abdul Mansor dan Mohd Hanefah (2008) yang dijalankan di Malaysia mendapati yuran ejen cukai menjadi kos pematuhan cukai tambahan dan menimbulkan bebanan terhadap PKS. Dengan peningkatan kos-kos tambahan ini ianya meningkatkan lagi ketidakpatuhan cukai dikalangan syarikat kecil.

Bukti sebaliknya diperolehi oleh kajian Nur-Tegin (2008) dan Tedds (2010) yang mendapati saiz syarikat mempunyai hubungan negatif dengan ketidakpatuhan cukai. Syarikat yang lebih kecil lebih cenderung untuk melakukan pengelakkan cukai berbanding dengan syarikat besar. Nur-Tegin (2008) berpendapat adalah lebih mudah untuk firma-firma kecil menyembunyikan pendapatan dan boleh menghilangkan jejak daripada dikesan penguasa cukai. Gauthier dan Gersovitz (1997) dan Gouthier dan Reinikka (2001) mendapati berdasarkan data tinjauan peralihan ekonomi serta beberapa data ekonomi Afrika menunjukkan firma-firma yang lebih kecil secara amnya hanya melaporkan sebahagian kecil daripada pendapatan mereka kerana berkumungkinan majoriti transaksi perniagaan melibatkan tunai.

Mohd Yusof et al (2014) mendapati saiz PKS yang lebih besar adalah lebih patuh cukai berkemungkinan disebabkan syarikat mempunyai kawalan dalaman yang lebih baik, sistem perakaunan yang betul dan takbir urus syarikat yang lebih baik berbanding dengan PKS yang lebih kecil. Oleh itu, hipotesis kedua yang dibentuk untuk kajian ini adalah seperti berikut:

H₂: Terdapat perbezaan signifikan antara saiz syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia.

2.5.3 Kecairan Kewangan Syarikat dan Ketidakpatuhan Cukai

Secara umum, firma yang mempunyai kecairan kewangan yang rendah akan cuba memanipulasi penyata kewangan sama ada dengan meningkatkan pendapatan atau mengurangkan perbelanjaan bagi meningkatkan keuntungan. Spathis (2002) mendapati bahawa syarikat yang mempunyai modal kerja rendah berbanding jumlah

aset adalah lebih cenderung untuk memalsukan penyata kewangan bagi memperbaiki posisi kewangan. Tegasan beliau kekangan kewangan akan menyebabkan syarikat-syarikat lebih bermotivasi untuk memalsukan penyata kewangan.

Di Malaysia, Md Noor et al. (2009) berpendapat kekangan kewangan boleh mendorong pengurusan syarikat melibatkan diri dalam penipuan cukai. Kajian tersebut mendapati terdapat hubungan positif dan signifikan antara kecairan kewangan syarikat dengan pengelakkan cukai. Pengelakan cukai akan berlaku apabila syarikat mempunyai sumber kewangan yang baik. Selari dengan kajian Md Yassin et al. (2010) yang juga mendapati terdapat hubungan positif antara aliran tunai dengan ketidakpatuhan cukai yang mungkin disebabkan oleh faktor kecairan yang baik membolehkan pengurusan berkeupayaan melantik penasihat dan pakar cukai untuk melaksanakan perancangan cukai.

Sebaliknya, OECD (2010) menyatakan pembayar cukai di Malaysia sanggup melakukan pengelakkan cukai bagi mengelakkan kehilangan aliran tunai. Bagi pembayar cukai, membayar cukai akan mengurangkan aliran kewangan. Oleh itu, diandaikan bahawa pembayar cukai syarikat yang tiada perancangan untuk pengelakkan cukai pada peringkat awal beroperasi mungkin akan menjadi tidak patuh cukai apabila mengalami krisis kewangan bagi menyelamatkan kedudukan aliran tunai perniagaan. Oleh itu, adalah munasabah mengandaikan bahawa firma dengan kecairan kewangan tidak konsisten akan berterusan memanipulasi penyata kewangan untuk menjadi tidak patuh cukai. Hipotesis ketiga adalah seperti berikut:

H₃: Terdapat perbezaan signifikan antara kecairan kewangan syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia.

2.5.4 Lokasi dan Ketidakpatuhan Cukai

Pada pengetahuan pengkaji, sangat sedikit kajian dijalankan mengenai hubungan antara lokasi syarikat dengan ketidakpatuhan cukai. Menurut Devos (2008), terdapat kekurangan bukti kajian mengenai hubungan pembolehubah lokasi dan ketidakpatuhan pembayar cukai disebabkan terdapat pelbagai sub-kategori negara dan wilayah yang tidak konsisten digunakan untuk setiap kajian.

Kajian ke atas pembayar cukai individu berkaitan percukaian progresif oleh Roberts, Hite dan Bradley (1998) mendapati kadar ketidakpatuhan cukai adalah tinggi di kalangan pembayar cukai yang mempunyai pendapatan tinggi dan tinggal di bandar besar. Seterusnya, kajian oleh Ayanda dan Laraba (2011) ke atas PKS di Nigeria mendapati faktor lokasi tidak mempengaruhi ketidakpatuhan cukai. Menurut beliau, PKS di bandar seharusnya lebih berstruktur dan lebih patuh berbanding di kawasan luar bandar, namun keputusan kajian beliau menunjukkan faktor lokasi dan ketidakpatuhan PKS tiada hubungan yang signifikan. Ini kerana PKS di Nigeria kebiasaannya adalah kecil, dimiliki atau dikendalikan oleh ahli keluarga yang menawarkan barangan dan perkhidmatan asas yang menyebabkan struktur pengurusan dan organisasi adalah agak lemah sekaligus meningkatkan lagi kadar ketidakpatuhan cukai (Ayanda & Laraba, 2011).

Sebaliknya, kajian literatur oleh Zakaria et al. (2016) menggunakan data audit LHDNM mendapati terdapat hubungan signifikan antara lokasi syarikat dengan ketidakpatuhan cukai. Pengelakkan cukai terbesar didapati berlaku dikalangan PKS yang terletak di kawasan luar bandar dan tidak mempunyai ejen cukai. PKS yang terletak di kawasan luar bandar dan tidak melantik ejen cukai berkemungkinan

menyebabkan kurangnya pengetahuan dalam sistem perakaunan dan percukaian. Oleh itu, kecenderungan PKS ini untuk menjadi kurang patuh adalah tinggi. Dengan itu, andaian munasabah bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bahawa pembayar cukai syarikat boleh menjadi tidak patuh berdasarkan lokasi syarikat seperti hipotesis keempat adalah seperti berikut:

H₄: Terdapat perbezaan signifikan antara lokasi syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia.

2.6 Ringkasan Bab

Bab ini merangkumi takrifan konseptual dan kajian terdahulu mengenai ketidakpatuhan cukai. Kajian terhadap ketidakpatuhan cukai sebahagian besarnya tertumpu kepada pembayar cukai individu, perniagaan dan untuk syarikat kajian ditumpukan kepada PKS. Walau bagaimanapun, penyelidikan tentang ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia masih lagi terhad. Kebanyakan kajian mengaitkan ketidakpatuhan cukai syarikat menggunakan data *TCMP*, hasil daripada keputusan tinjauan dan data-data kes audit yang diselesaikan sehingga tahun 2011 dan 2013. Oleh itu, keputusan mungkin berbeza dalam situasi semasa.

Dengan itu, kajian ini menggunakan jumlah pelarasan audit yang dibangkitkan untuk kes audit yang dijalankan oleh LHDNM untuk tahun 2015 yang dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan syarikat dan lokasi syarikat untuk melihat perbezaan signifikan ketidakpatuhan cukai syarikat dikalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia. Bab-bab seterusnya akan menerangkan mengenai metodologi penyelidikan, kerangka dan rekabentuk

kajian, teknik yang digunakan dalam pengujian hipotesis, hasil dan perbincangan keputusan kajian dan diakhiri dengan kesimpulan.



BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan


Bab ini menerangkan metodologi kajian dan kerangka kerja yang digunakan dalam kajian ini dalam mengetahui jenis sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai dan sama ada wujudnya perbezaan signifikan antara faktor-faktor iaitu jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat dengan ketidakpatuhan cukai dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia berdasarkan hipotesis yang telah ditetapkan. Dimulakan dengan cadangan kerangka kajian dan diikuti dengan penjelasan mengenai rekabentuk kajian. Seterusnya, penerangan ringkas tentang kaedah pengukuran ke atas ketidakpatuhan syarikat yang merangkumi penjelasan pembolehkan bersandar dan pembolehkan tidak bersandar. Akhir sekali, keterangan berkenaan pengumpulan data serta mengenai teknik analisa data.

3.2 Kerangka Kajian

Kajian ini mencadangkan rangka kerja konseptual untuk memperjelaskan ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia. Rangka kerja yang dicadangkan mengandungi lima pembolehkan. Secara terperinci, rangka kerja ini mengandungi satu pembolehkan bersandar iaitu ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia dan empat pembolehkan tidak bersandar

iaitu jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat. Kajian ini menggunakan Model Pematuhan Cukai Fischer sebagai asas untuk membangunkan rangka kerja kajian serta dalam pembentukan hipotesis kajian. Namun, kajian ini hanya memberi fokus kepada perbezaan ketidakpatuhan cukai syarikat untuk empat faktor penentu iaitu jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat. Cadangan rangka kerja telah disesuaikan dengan data kajian ini yang menggunakan data sekunder berdasarkan penyelesaian kes audit daripada LHDNM.

Rangka kerja yang dicadangkan bagi kajian ini digambarkan dalam Rajah 3.1. Kajian ini mengandaikan bahawa ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan boleh dipengaruhi oleh pembolehubah tidak bersandar tersebut.



Gambarajah 3.1
Model Kerangka Kajian

Faktor-faktor yang mempengaruhi ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia

3.3 Rekabentuk Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui jenis sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai di dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan dan mengetahui sama ada terdapat perbezaan signifikan ke atas faktor-faktor seperti jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat dalam mempengaruhi ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri tersebut. Cresswell (2009) yang menyatakan bahawa penyelidikan kuantitatif adalah satu proses memahami sesuatu permasalahan dengan menggunakan kaedah pengumpulan data. Oleh itu dalam mencapai matlamat kajian, kaedah penyelidikan kuantitatif dari data sekunder adalah digunakan. Data sekunder yang digunakan dalam kajian diperoleh daripada pihak LHDNM yang memberi kebenaran capaian ke atas data-data kes audit yang diselesaikan dalam tahun 2015.

Pendekatan penyelidikan secara kuantitatif dianggap sesuai dalam menganalisa melibatkan banyak pembolehubah (Cresswell, 2009). Manakala, McKerchar (2010) menyatakan kaedah penyelidikan kuantitatif adalah kaedah yang paling sesuai dalam menguji tren kerangka kajian yang dibangunkan berdasarkan kajian sedia ada ke atas hubungan pembolehubah serta kesan sebab dan akibat. Kaedah kuantitatif telah digunakan dalam beberapa kajian ketidakpatuhan cukai di Malaysia seperti Ming et al. (2013) dan Mohd Yusof et al. (2014). Bagi mencapai objektif kajian ini, pendekatan secara kuantitatif telah digunapakai dengan menggunakan data sekunder yang dibekalkan oleh LHDNM.

3.4 Definisi Operasi

Pembolehubah bersandar yang digunakan dalam kajian ini adalah jumlah pelarasan audit yang merupakan pengukur kepada ketidakpatuhan cukai. Kerangka kajian ini dibina berdasarkan empat pembolehubah tidak bersandar iaitu jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat. Definisi operasi dan pengukuran pembolehubah dalam kajian ini adalah seperti berikut:

3.4.1 Ketidakpatuhan Cukai

Kajian terdahulu oleh Ming et al. (2013) mendapati pengelakkan cukai oleh 421 pembayar cukai syarikat berlaku ke atas isu seperti perbelanjaan tidak dibenarkan, pelbagai penipuan laporan, belian lebih tuntutan, pelarasan elaun modal dan jualan kurang lapor. Isu pengelakkan ini ditemui melalui penemuan isu audit daripada semakan audit yang telah dijalankan oleh pegawai audit LHDNM (Ming et al., 2013). Menggunakan asas seperti yang dibuat oleh Ming et al. (2013), kajian ini mengukur ketidakpatuhan cukai syarikat dengan menggunakan jumlah pelarasan audit berdasarkan isu penemuan audit yang dibangkitkan oleh audit luar syarikat di LHDNM seluruh Malaysia secara khususnya ke atas industri permotoran, pemborongan dan peruncitan.

Pelarasan audit yang digunakan adalah penemuan audit yang telah dimuktamadkan oleh penaksir cukai LHDNM berdasarkan isu-isu audit yang ditemui semasa semakan audit yang dijalankan ke atas pembayar cukai seperti jumlah jualan atau pendapatan terkurang lapor, isu kos langsung atau belian lebih tuntutan, isu perbelanjaan yang tidak dibenarkan di bawah subseksyen 39(1) ACP 1967 atau isu berkaitan tuntutan elaun

modal yang tidak memenuhi kriteria tuntutan seperti dinyatakan dalam Jadual 3 ACP 1967 selari dengan dapatan kajian Ming et al. (2013) yang mendapati ketidakpatuhan cukai berlaku apabila wujudnya isu-isu penemuan audit seperti di atas. Berdasarkan data sampel yang diperolehi didapati pelarasan audit yang terendah adalah RM100 dan yang tertinggi adalah RM43,600,00. Disebabkan perbezaan nilai pelarasan yang terlalu besar, nilai pelarasan telah di log bagi memudahkan pengukuran. Pengukuran pembolehubah ketidakpatuhan cukai adalah seperti di Jadual 3.1 di bawah:

Jadual 3.1

Pengukuran Pembolehubah Ketidakpatuhan Cukai

Pembolehubah	Pengukuran	Rujukan Pengukuran
Ketidakpatuhan Cukai	Jumlah Pelarasan Audit	Ming et al. (2013)

3.4.2 Jenis Sub-Industri

Pembolehubah jenis sub-industri adalah pembolehubah yang diukur untuk mengetahui jenis sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai dikalangan industri permotoran, pemborong dan peruncitan dan mengetahui sama ada wujud perbezaan signifikan jenis sub-industri dengan ketidakpatuhan cukai syarikat dikalangan industri permotoran, pemborong dan peruncitan di Malaysia. Industri permotoran, pemborongan dan peruncitan meliputi tiga jenis sub-industri iaitu (1) industri jualan kenderaan bermotor, komponen dan penyelenggaraan iaitu untuk kod perniagaan 45101 hingga 45403; (2) industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal iaitu untuk kod perniagaan 46100 hingga 46909; dan (3) industri perdagangan runcit kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal iaitu untuk kod 47111 hingga 47999. Industri ini dikategorikan mengikut senarai kod perniagaan LHDNM kategori perniagaan kod G dalam Buku Panduan Cukai Pendapatan LHDNM (LHDNM, 2015).

Dalam kajian ketidakpatuhan cukai oleh Ming et al. (2013) dan Mohd Yusof et al. (2014), masing-masing telah mengklasifikasikan jenis industri mengikut kumpulan kod perniagaan utama yang dikeluarkan oleh LHDNM. Dalam kajian ini, terdiri daripada tiga sub-industri dari industri permotoran, pemborongan dan peruncitan sebagai populasi kajian kerana sampel data yang digunakan adalah dalam industri tersebut. Pengukuran pembolehubah jenis sub-industri adalah seperti di jadual 3.2 di bawah:

Jadual 3.2

Pengukuran Pembolehubah Jenis Sub-Industri

Pembolehubah	Pengukuran	Rujukan Pengukuran
Jenis sub-industri	(1) Jualan kenderaan bermotor, komponen & penyelenggaraan (2) Perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal (3) Perdagangan runcit kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal	Ming et al. (2013) dan Mohd Yusof et al. (2014)

3.4.3 Saiz Syarikat

Kajian Ming et al. (2013) mendapati antara profail syarikat yang terlibat dalam pengelakkan cukai adalah saiz syarikat yang diukur berdasarkan (1) modal berbayar dan (2) berdasarkan jumlah jualan. Saiz syarikat berdasarkan modal berbayar diukur menggunakan jumlah modal saham berbayar oleh syarikat. Dalam kajian ini saiz syarikat dikategorikan kepada dua iaitu PKS dan syarikat besar. Di Malaysia, berdasarkan kepada peruntukan ACP 1967 mendefinisikan PKS sebagai syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan modal saham berbayar tidak lebih daripada RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas untuk setahun penilaian. Manakala, untuk syarikat

yang mempunyai modal saham berbayar RM2.5 juta dan lebih akan dikategorikan sebagai syarikat besar.

Seterusnya, saiz syarikat berdasarkan jumlah jualan diukur menggunakan jumlah jualan dilapor oleh syarikat untuk satu tahun perakaunan. Kategori jualan dibahagikan kepada lima iaitu (1) jualan kurang dari RM500,000; (2) jualan antara RM500,001 hingga RM1,000,000; (3) Jualan antara RM1,000,001 hingga RM10,000,000; (4) jualan antara RM10,000,001 hingga RM100,000,000; dan (5) jualan melebihi RM100,000,001. Pengukuran saiz berdasarkan jualan ini adalah selari dengan kajian di Malaysia oleh Mohd Saleh et al. (2004) dan Mohd Noor et al. (2010) yang telah menggunakan jumlah jualan dalam penentuan saiz syarikat mengikut kategori saiz syarikat yang digunapakai oleh LHDNM. Dalam kajian ini saiz syarikat telah dikategorikan kepada lima kumpulan mengikut kumpulan jumlah jualan seperti dinyatakan di atas. Pengukuran pembolehubah saiz syarikat dinyatakan dalam Jadual 3.3 di bawah:

Jadual 3.3

Pengukuran Pembolehubah Saiz Syarikat

Pembolehubah	Pengukuran	Rujukan Pengukuran
Saiz Syarikat (Modal)	(1) Modal Berbayar kurang dari RM2.5 juta	Ming et al. (2013)
	(2) Modal berbayar RM2.5 juta dan ke atas	
Saiz Syarikat (Jualan)	(1) Jualan kurang dari RM500,000	Mohd Saleh et al. (2004) dan Mohd Noor et al. (2010)
	(2) Jualan antara RM500,001 hingga RM1,000,000	
	(3) Jualan antara RM1,000,001 hingga RM10,000,000	
	(4) Jualan antara RM10,000,001 hingga RM100,000,000	
	(5) Jualan melebihi RM100,000,001	

3.4.4 Kecairan Kewangan Syarikat

Kecairan kewangan syarikat adalah pengukuran untuk keupayaan syarikat dalam membuat pembayaran (Mohd Yusof et al., 2014). Selari dengan kajian oleh Mohd Yusof et al. (2014), kecairan kewangan dalam kajian ini diukur melalui nisbah antara aset semasa kepada liabiliti semasa. Nisbah ini menunjukkan kedudukan aset semasa berbanding liabiliti semasa untuk menilai kebolehan syarikat dalam membayar tanggungan hutang. Berdasarkan kajian Mohd Yusof et al. (2014) tersebut juga menyatakan nisbah semasa yang baik adalah pada kadar 2:1. Oleh itu, kecairan kewangan dalam kajian ini akan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu (1) kurang daripada 2.0; (2) antara 2.0 hingga 10.0; dan (3) melebihi 10.0. Nisbah yang tinggi menunjukkan kecairan kewangan syarikat yang lebih baik. Pengukuran pembolehubah kecairan kewangan syarikat adalah seperti di Jadual 3.4 di bawah:

Jadual 3.4

Pengukuran Pembolehubah Kecairan Kewangan Syarikat

Pembolehubah	Pengukuran	Rujukan Pengukuran
Kecairan Kewangan Syarikat	(1) Kurang dari 2.0	Mohd Yusof et al. (2014)
	(2) Antara 2.0 hingga 10.0	
	(3) Melebihi 10.0	

3.4.5 Lokasi Syarikat

Zakaria et al. (2016) menerusi kajian faktor-faktor pengelakkan cukai dikalangan PKS di Malaysia mengklasifikasikan lokasi syarikat berdasarkan cawangan fail taksiran syarikat didaftarkan dengan LHDNM. Kajian mereka telah mengklasifikasikan lokasi kepada dua kumpulan iaitu luar bandar dan bandar. Oleh itu, untuk kajian ini lokasi syarikat dikategorikan kepada dua bahagian iaitu kod (0) untuk lokasi syarikat di luar bandar dan kod (1) untuk lokasi syarikat di bandar seperti di Jadual 3.5.

Jadual 3.5

Pengukuran Pembolehubah Lokasi Syarikat

Pembolehubah	Pengukuran	Rujukan Pengukuran
Lokasi syarikat	(0) Luar Bandar (1) Bandar	Zakaria et al. (2016)

Pengukuran pembolehubah lokasi syarikat dan senarai cawangan yang diklasifikasi sebagai luar bandar dan bandar adalah seperti di Jadual 3.6. Berdasarkan kepada Jadual 3.6 tersebut tiga belas cawangan diklasifikasikan sebagai cawangan luar bandar dan sebanyak dua puluh satu cawangan diklasifikasikan sebagai cawangan bandar.

Jadual 3.6

Klasifikasi Cawangan

Lokasi	Cawangan
Luar Bandar	Taiping, Teluk Intan, Kluang, Raub, Muar, Sungai Petani, Temerloh, Sandakan, Tawau, Keningau, Sibul, Miri dan Bintulu.
Bandar	Johor Bahru, Melaka, Seremban, Ipoh, Kota Bahru, Alor Setar, Pulau Pinang, Kuantan, Jalan Duta, Cukai Syarikat, Kuala Terengganu, Shah Alam, Kangar, Kuala Lumpur Bandar, Bukit Mertajam, Klang, Cheras, Wangsa Maju, Petaling Jaya, Kota Kinabalu dan Kuching.

3.5 Pengumpulan Data

Penjelasan secara terperinci mengenai populasi kajian dan saiz sampel yang dipilih dinyatakan di bahagian ini beserta prosedur pengumpulan data dan teknik analisis data yang akan diperjelaskan dengan lebih lanjut. Bagi tujuan kajian ini, kaedah data sekunder digunakan yang mana pendekatan yang sama turut digunakan oleh pengkaji terdahulu seperti Ming et al. (2013) dan Mohd Yusof et al. (2014). Data sekunder telah diekstrak oleh pegawai yang mengendalikan Sistem Pengurusan Kes (*CMS*) dan

Sistem Taksir Sendiri Syarikat (*STSC*) mengikut keperluan kajian seperti pelarasan audit, kod perniagaan, kod lokasi, jumlah jualan, jumlah aset semasa, jumlah liabiliti semasa dan modal berbayar.

3.5.1 Populasi Kajian dan Sampel

Populasi kajian terdiri daripada pembayar cukai syarikat yang telah selesai diaudit oleh unit audit luar syarikat LHDNM di Malaysia untuk industri permotoran, pemborongan dan peruncitan. Data sekunder yang digunakan adalah data penyelesaian kes audit luar syarikat pada tahun 2015 berdasarkan Sistem *CMS* dan data Borang Nyata Cukai Pendapatan Syarikat (Borang C) melalui sistem *STSC* yang diperoleh daripada LHDNM setelah mendapat kebenaran oleh pihak berkuasa cukai tersebut untuk capaian ke atas data berkenaan.

Untuk tahun 2015, pegawai yang mengendalikan data sistem *CMS* dan *STSC* telah menyenaraikan 7,693 kes audit cukai syarikat yang diselesaikan di seluruh cawangan LHDNM di Malaysia. Sebanyak 1,215 kes dikeluarkan kerana tidak mempunyai maklumat lengkap kod perniagaan, kod cawangan, jumlah jualan dan modal berbayar. Daripada jumlah tersebut sebanyak 3,937 kes dikecualikan kerana melibatkan industri yang tidak difokuskan oleh pengkaji. Oleh itu, bilangan sebenar pembayar cukai yang memenuhi kriteria untuk skop kajian yang melibatkan industri yang dipilih iaitu industri permotoran, pemborong dan peruncitan ialah 2,541 kes. Dari jumlah tersebut, 238 kes adalah syarikat yang patuh cukai kerana tidak melibatkan sebarang isu pelarasan audit. Justeru, 238 kes ini dikecualikan daripada analisis data, manakala baki kes sebanyak 2,303 sahaja yang akan dianalisis. 2,303 kes ini mempunyai pelarasan

audit cukai yang menunjukkan terdapatnya aktiviti ketidakpatuhan cukai yang dilakukan oleh syarikat sama ada secara sengaja atau tidak dan telah dikesan oleh juruaudit cukai semasa audit cukai dijalankan. Pemilihan sampel akhir yang terdiri daripada 2,303 kes diringkaskan dalam Jadual 3.7.

Jadual 3.7
Ringkasan Prosedur Pemilihan Sampel

	Bil. Pembayar Cukai (Kes Syarikat)
Bilangan kes audit luar syarikat yang diselesaikan tahun 2015	7,693
Tolak :	
Kes yang tidak mempunyai maklumat lengkap	1,215
Kes melibatkan industri yang tidak difokus	3,937
Bilangan kes untuk industri membaiki kenderaan bermotor dan motorsikal, pemborong dan peruncitan	2,541
Tolak :	
Kes Tanpa Pelarasan Audit (Patuh)	238
Bilangan kes untuk industri membaiki kenderaan bermotor dan motorsikal, pemborong dan peruncitan yang dianalisis	2,303

3.5.2 Prosedur Pengumpulan Data

Di LHDNM, *CMS* digunakan untuk mengagih dan memantau setiap kes yang diaudit oleh pegawai audit di semua cawangan di Malaysia. Statistik penyelesaian kes audit tahunan diperoleh melalui sistem ini dan data maklumat kewangan pembayar cukai diperolehi dari sistem *STSC*. Setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Pengurusan Insan LHDNM, pengkalan data pembayar cukai syarikat untuk industri permotoran, pemborongan dan peruncitan yang beroperasi di Malaysia diekstrak daripada sistem *CMS* dan sistem *STSC*. Data yang dipilih secara umumnya perlu memenuhi ciri-ciri pengukuran yang diperlukan dalam kajian ini iaitu jenis sub-

industri tertinggi tidak patuh cukai dikalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan dan melihat perbezaan signifikan antara jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat dalam ketidakpatuhan cukai dalam industri berkenaan di Malaysia.

Maklumat berkenaan penyelesaian audit seperti jumlah pelarasan, kod peniagaan dan kod cawangan, tarikh penyelesaian kes diperoleh melalui sistem *CMS* manakala maklumat kewangan syarikat seperti jumlah jualan, jumlah aset semasa, jumlah liabiliti semasa dan modal berbayar diperolehi dari sistem *STSC* maklumat data borang bahagian L Borang C. Maklumat di bahagian L Borang C dinyatakan seperti Jadual 3.8 di bawah:

Jadual 3.8

Maklumat yang Diekstrak dari Bahagian L Borang C

Bahagian L	Maklumat Kewangan Syarikat
L2	Jualan Atau Perolehan (perniagaan utama)
L36	Jumlah Aset Semasa
L43	Jumlah Liabiliti Semasa
L46	Modal Berbayar

Sumber: Borang C – Borang Nyata Cukai Pendapatan

3.6 Teknik Analisa Data

Perisian statistik *IBM SPSS* digunakan untuk menganalisa data yang telah dikumpulkan. Analisa bermula dengan analisa deskriptif yang digunakan untuk menganalisa maklumat demografi syarikat, diikuti dengan analisa data menggunakan jadual kekerapan (*frequency*) dan min, analisa *ANOVA* sehala dan diakhiri dengan analisa regresi berganda (*multiple regression*) bagi menguji sama ada terdapat

perbezaan yang signifikan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.

Data-data yang diperolehi diberikan kod tertentu untuk dianalisa bagi melihat kekerapan (*frequency*) dan min pembolehubah berkaitan. Sampel data berjumlah 2,303 kes diberikan kod satu persatu bagi membolehkan ianya dianalisa menggunakan aplikasi sistem statistik *SPSS*. Dalam sistem ini, data pembolehubah selain angka seperti huruf, nombor atau simbol (*string wording*) tidak dapat dibaca oleh sistem tanpa menukarkannya ke dalam kod berbentuk angka.

Data-data yang telah diberikan kod kemudiannya dipindahkan ke dalam sistem statistik *SPSS* untuk dianalisa bagi mengenalpasti jenis sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai dan mengesahkan wujud atau tidak perbezaan yang signifikan dalam ketidakpatuhan cukai syarikat dikalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia. Jadual dan graf akan dihasilkan berdasarkan analisa yang dibuat menggunakan sistem ini. Kod-kod berbentuk angka yang diberikan untuk dipindahkan ke dalam sistem statistik *SPSS* adalah mengikut kategori seperti dinyatakan dalam Jadual 3.9.

Jadual 3.9

Data Kod SPSS

Kategori	Kod SPSS	Jumlah Syarikat (n)
Sub-Industri		
Jualan kenderaan bermotor, komponen dan penyelenggaraan	1	416
Perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal	2	1,341
Perdagangan runcit kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal	3	546
		2,303
Saiz Syarikat Berdasarkan Modal		
Modal Berbayar kurang dari RM2.5 juta	1	2,162
Modal berbayar RM2.5 juta dan ke atas	2	141
		2,303
Saiz Syarikat Berdasarkan Jualan		
Jualan kurang dari RM500,000	1	58
Jualan antara RM500,001; hingga RM1,000,000	2	108
Jualan antara RM1,000,001 hingga RM10,000,000	3	1,318
Jualan antara RM10,000,001 hingga RM100,000,000	4	747
Jualan melebihi RM100,000,001	5	72
		2,303
Kecairan Kewangan		
Kurang dari 2.0;	1	1,942
Antara 2.0 hingga 10.0	2	314
Melebihi 10.0	3	47
		2,303
Lokasi		
Luar Bandar	0	265
Bandar	1	2,038
		2,303

3.7 Ringkasan Bab

Bab ini membincangkan metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini yang merangkumi kerangka dan rekabentuk kajian, definisi operasi, populasi kajian dan prosedur pengumpulan data. Data-data dalam kajian ini merupakan data sekunder untuk kes-kes audit cukai syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan yang diselesaikan pada tahun 2015 di semua cawangan LHDNM. Akhir sekali, bab ini membincangkan teknik statistik yang digunakan untuk menganalisa data. Penemuan hasil kajian akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab seterusnya.

BAB 4

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan analisis data dan juga membincangkan penemuan empirikal dari data yang dikumpulkan. Data dianalisis dengan menggunakan perisian statistik *SPSS*. Dimulakan dengan penjelasan mengenai statistik profail demografik dan seterusnya hasil dan penjelasan mengenai analisa regresi serta justifikasi mengenai hasil yang berkaitan dengan hipotesis kajian. Teknik statistik ini digunakan untuk mengetahui jenis sub-industri yang tidak patuh cukai dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia serta melihat sama ada terdapat perbezaan signifikan antara pembolehubah tidak bersandar dan bersandar serta untuk mengesahkan hipotesis kajian. Akhir sekali, ringkasan pengujian hipotesis dan ringkasan bab dibentangkan dalam akhir bab ini.

4.2 Profail Demografik Syarikat Industri Permotoran, Pemborongan dan Peruncitan di Malaysia

Dapatan kajian seperti di dalam Jadual 4.1 merupakan profil demografik syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia bagi 2,303 kes audit cukai tidak patuh yang diselesaikan pada tahun 2015. Berdasarkan kategori sub-industri, lebih separuh daripada kes tersebut adalah daripada industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal (58.2%), diikuti oleh industri perdagangan runcit kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal (23.7%) dan industri

jualan kenderaan bermotor, komponen & penyelenggaraan (18.1%). Berdasarkan profail demografik syarikat ini menunjukkan sub-industri tertinggi terlibat dengan ketidapatuhan cukai adalah dari industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal. Saiz syarikat yang diukur berdasarkan modal berbayar menunjukkan 2,162 kes yang diaudit iaitu bersamaan 93.9% adalah syarikat yang memiliki jumlah modal berbayar kurang daripada RM 2.5 juta dan selebihnya adalah syarikat yang memiliki modal berbayar RM2.5 juta dan ke atas. Manakala bagi saiz syarikat yang ditentukan berdasarkan jumlah jualan, lebih daripada separuh mempunyai jualan antara RM1,000,001 hingga RM10,000,000 (57.2%), diikuti oleh jualan antara RM10,000,001 hingga RM100,000,000 (32.4%), jualan antara RM500,001 hingga RM1,000,000 (4.7%), jualan melebihi RM100,000,001 (3.2%) dan peratusan terendah dicatatkan oleh jumlah jualan kurang dari RM500,000 (2.5%). Ini menggambarkan LHDNM lebih memberi fokus kepada kes PKS dengan jumlah jualan antara RM1,000,001 hingga RM10,000,000 dalam semakan kes audit tahun 2015. Sementara itu, kecairan kewangan berdasarkan profil demografik syarikat menunjukkan 84.4% syarikat mempunyai kadar nisbah kecairan dibawah 2.0. Ini bermakna syarikat tidak mempunyai kecairan kewangan yang kukuh yang boleh menyebabkan syarikat menghadapi masalah untuk membayar hutang dan obligasi cukai. Bagi pembahagian lokasi, bilangan kes audit cukai syarikat di kawasan bandar adalah lebih tinggi iaitu 88.5% berbanding di luar bandar iaitu 11.5%. Ianya menunjukkan pemilik syarikat adalah lebih banyak di kawasan bandar berbanding di kawasan luar bandar.

Jadual 4.1

Profil Demografik Syarikat dalam Industri Permotoran, Pemborongan dan Peruncitan di Malaysia (n=2,303)

Kategori	Jumlah Syarikat (n)	Jumlah Syarikat (%)
Jenis Sub-Industri		
Jualan kenderaan bermotor, komponen & penyelenggaraan	416	18.1
Perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal	1,341	58.2
Perdagangan runcit kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal	546	23.7
	2,303	100.0
Saiz Syarikat Berdasarkan Modal Berbayar		
Kurang dari RM2.5 juta	2,162	93.9
RM2.5 juta dan ke atas	141	6.1
	2,303	100.0
Saiz Syarikat Berdasarkan Jumlah Jualan		
Kurang dari RM500,000	58	2.5
Antara RM500,001 hingga RM1,000,000	108	4.7
Antara RM1,000,001 hingga RM10,000,000	1,318	57.2
Antara RM10,000,001 hingga RM100,000,000	747	32.4
Melebihi RM100,000,001	72	3.2
	2,303	100.0
Kecairan Kewangan Syarikat		
Kurang dari 2.0	1,942	84.4
Antara 2.0 hingga 10.0	314	13.6
Melebihi 10.0	47	2.0
	2,303	100.0
Lokasi syarikat		
Luar Bandar	265	11.5
Bandar	2,038	88.5
	2,303	100.0

4.3 Analisa Kekerapan (*Frequency*) dan Min

Dalam kajian ini, sub-industri dikategorikan kepada tiga iaitu (1) jualan kenderaan bermotor, komponen dan penyelenggaraan; (2) perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal; dan (3) perdagangan runcit kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal. Analisa kekerapan (*frequency*) dan min dijalankan bagi mengetahui sub-industri tertinggi tidak patuh cukai dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia. Dapatan analisa dinyatakan melalui Jadual 4.2.

Didapati nilai min bagi jumlah pelarasan/ketidakpatuhan cukai yang tertinggi adalah bagi sub-industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal (318,647), diikuti dengan nilai min bagi sub-industri jualan kenderaan bermotor, komponen & penyelenggaraan (256,578) dan nilai min terendah merupakan sub-industri perdagangan runcit kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal (191,342).

Berdasarkan jadual tersebut, kekerapan (*frequency*) dan min (Jumlah Pelarasan) tertinggi adalah daripada sub-industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal dengan jumlah 1,341 dengan min (Jumlah Pelarasan) 318,647. Oleh itu, dapatan ini telah menjawab objektif kajian pertama iaitu jenis sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai adalah dari sub-industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal.

Jadual 4.2

Analisa Kekerapan (Frequency) dan Min Mengikut Sub-Industri

Jenis Sub-Industri	Kekerapan (n)	Min (Jumlah Pelarasan)	Std. Deviation
Jualan kenderaan bermotor, komponen & penyelenggaraan	416	256,578	1,300,216.72
Perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal	1,341	318,647	2,309,593.91
Perdagangan runcit kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal	546	191,342	689,390.71

4.4 Pengujian Andaian Analisa Parametrik


Sebelum kajian diteruskan menggunakan analisa regresi, terdapat beberapa andaian yang perlu disemak dan dipatuhi. Andaian kenormalan, multikolineariti dan kelinearan dijalankan terlebih dahulu bagi mengesahkan bahawa analisis regresi sesuai dijalankan agar menghasilkan keputusan yang sah dan boleh dipercayai. Dalam kajian ini, andaian kenormalan diperiksa menggunakan plot kebarangkalian normal dan plot histogram, manakala multikolineariti dinilai melalui *Variance Inflation Factor* (VIF) dan kelinearan melalui plot taburan *scatter*. Keputusan untuk andaian ini dibincangkan seperti di bawah.

4.4.1 Andaian Kenormalan


Analisa ini dilaksanakan bagi menentukan bahawa keseluruhan data yang diperolehi adalah '*well-modelled*', iaitu bertabur secara taburan normal atau tidak. Bagi mendapatkan keputusan untuk analisa ini, andaian kenormalan diperiksa menggunakan plot kebarangkalian normal dan plot histogram. Plot kebarangkalian normal merupakan teknik bergraf untuk membuat penilaian sama ada suatu set data itu tertabur

secara normal atau sebaliknya. Data diplot pada taburan normal berteori di mana data tersebut seharusnya membentuk garis lurus.

Rajah 4.1 menunjukkan plot pada data seolah-olah mengikuti suatu garis lurus. Penyimpangan daripada garis lurus ini mencadangkan andaian kenormalan tidak dipatuhi. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini terbukti bahawa andaian kenormalan telah dipenuhi. Manakala berdasarkan kepada Rajah 4.2, lengkung pada histogram mempunyai bentuk seperti loceng dan ini menunjukkan andaian kenormalan dalam data telah dipenuhi. Nilai purata (*mean value*) yang diperolehi bagi keseluruhan data adalah 5.9 dan nilai sisihan piawai (*standard deviation*) bagi keseluruhan data adalah 0.998.



Gambarajah 4.1
Plot Kebarangkalian Normal



Rajah 4.2
Histogram

4.4.2 Multikolineariti

Multikolineariti adalah fenomena di mana dua atau lebih pembolehubah tidak bersandar dalam model regresi berganda mempunyai korelasi yang sangat tinggi antara satu sama lain. Terdapat pelbagai kaedah untuk mengkaji kewujudan multikolineariti. Dalam kajian ini, multikolineariti dinilai melalui nilai toleransi dan VIF. Nilai untuk VIF seharusnya perlu kurang daripada 10.0 (Allison, 2001) manakala nilai toleransi sepatutnya melebihi 0.1 (Myers, 1990) bagi membuktikan tiada masalah multikolineariti dalam data.

Jadual 4.3 menunjukkan terdapat satu pembolehubah tidak memenuhi andaian ini kerana mempunyai nilai toleransi kurang daripada 0.1 dan nilai VIF melebihi 10.0 iaitu bagi kategori saiz syarikat berdasarkan jumlah jualan antara RM1,000,001 hingga

RM10,000,000 (Size3). Maka berdasarkan keputusan ini pembolehubah tersebut telah digugurkan.

Jadual 4.3

Nilai Toleransi dan VIF

Pembolehubah	Toleransi	VIF
Location	.979	1.021
Industri2	.566	1.768
Industri3	.561	1.782
Size2	.364	2.745
Size3	.097	10.283
Size4	.105	9.562
Size5	.432	2.317
Liquidity2	.989	1.011
Liquidity3	.979	1.021
Size_Capital	.873	1.145

Setelah pembolehubah yang menyumbang kepada masalah multikolineariti dalam data digugurkan, analisis dijalankan sekali lagi. Jadual 4.4 menunjukkan nilai VIF kurang daripada 10 manakala nilai toleransi adalah melebihi 0.1. Ini membuktikan tiada kewujudan multikolineariti dalam data.


Jadual 4.4

Nilai Toleransi dan VIF

Pembolehubah	Toleransi	VIF
Location	.980	1.021
Industri2	.566	1.768
Industri3	.561	1.781
Size2	.969	1.032
Size4	.923	1.084
Size5	.877	1.141
Liquidity2	.989	1.011
Liquidity3	.992	1.008
Size_Capital	.874	1.145

4.4.3 Kelinearan

Suatu model regresi dikatakan linear jika hubungan di antara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar adalah linear. Plot taburan *scatter* pada Rajah 4.3 menunjukkan data tertabur secara rawak di mana tiada corak tertentu yang kelihatan. Ini membuktikan dengan jelas bahawa andaian kelinearan telah dipenuhi.



Gambarajah 4.3
Plot Taburan 'Scatter'

4.5 Analisis ANOVA Sehala

Analisis *ANOVA* sehala merupakan ujian statistik yang digunakan untuk membandingkan min bagi tiga atau lebih kumpulan data tidak bersandar untuk mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam min populasi dari data yang dipilih. Dalam kajian ini *ANOVA* dijalankan bagi mengetahui sama ada wujudnya perbezaan yang signifikan antara jenis sub-industri, saiz syarikat

berdasarkan jualan, saiz syarikat berdasarkan modal berbayar, kecairan kewangan dan lokasi syarikat dengan pelarasan audit (ketidakpatuhan cukai syarikat) di Malaysia.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, sub-industri dikategorikan kepada tiga iaitu (1) jualan kenderaan bermotor, komponen dan penyelenggaraan; (2) perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal; dan (3) perdagangan runcit kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal. Jadual 4.5 di bawah menunjukkan min jumlah pelarasan (ketidakpatuhan cukai syarikat) untuk tiga sub-industri. Didapati min ketidakpatuhan cukai syarikat tertinggi (log jumlah pelarasan) adalah daripada industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal dengan nilai 4.65, diikuti dengan min (log jumlah pelarasan) bagi sub-industri jualan kenderaan bermotor, komponen & penyelenggaraan sebanyak 4.63 manakala min (log jumlah pelarasan) ketidakpatuhan cukai syarikat terendah adalah untuk sub-industri perdagangan runcit kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal sebanyak 4.57.

Jadual 4.5

Min (Log Jumlah Pelarasan) Mengikut Sub-Industri

Jenis Industri	Min (Log Jumlah Pelarasan) Ketidakpatuhan Cukai Syarikat
Perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal	4.65
Jualan kenderaan bermotor, komponen & penyelenggaraan	4.63
Perdagangan runcit kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal	4.57

Jadual 4.6 di bawah menunjukkan hasil dapatan analisis ujian *ANOVA* sehala bagi menentukan perbezaan min dalam pelarasan audit (ketidakpatuhan cukai syarikat) antara jenis sub-industri. Berdasarkan keputusan ujian menunjukkan bahawa tidak

terdapat perbezaan signifikan dalam pelarasan audit (ketidakpatuhan cukai syarikat) antara jenis sub-industri dengan nilai $F(2,2300)=1.956$, nilai- $p > 0.05$. Ini bermaksud walaupun terdapat sub-industri tertentu yang tertinggi tidak patuh cukai seperti di Jadual 4.2 iaitu industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motosikal namun didapati tidak terdapat perbezaan signifikan antara ketidakpatuhan cukai syarikat dengan sub-industri tersebut.

Jadual 4.6

Keputusan ANOVA Sehalu Jenis Sub-Industri

	Jumlah kuasa dua	df	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan	2.345	2	1.172	1.956	.142
Dalam Kumpulan	1378.250	2300	.599		
Jumlah	1380.594	2302			

Seterusnya berdasarkan Jadual 4.7, nisbah F-dalam jadual *ANOVA* menguji sama ada keseluruhan model regresi adalah sesuai dengan data. Dalam Jadual 4.7 menunjukkan pembolehubah tidak bersandar iaitu jenis sub-industri, lokasi syarikat, saiz syarikat berdasarkan jualan, saiz syarikat berdasarkan modal berbayar dan kecairan kewangan syarikat dapat meramal secara signifikan kepada pembolehubah bersandar (pelarasan audit), $F(9, 2293) = 17.472$, $p < .0005$. Dalam kajian ini, analisa regrasi digunakan untuk mengenalpasti sama ada terdapat hubungkait di antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.

Jadual 4.7

ANOVA

Model	Jumlah kuasa dua	Dk	Min kuasa dua	F	Sig.
Regresi	88.602	9	9.845	17.472	.000
Ralat	1291.992	2293	.563		
Jumlah	1380.594	2302			

4.6 Analisis Regresi Berganda

Analisa kemudiannya diteruskan dengan pengujian hipotesis dengan menggunakan analisis regresi berganda dalam mengetahui sama ada wujudnya perbezaan yang signifikan antara jenis sub-industri, saiz syarikat berdasarkan jualan, saiz syarikat berdasarkan modal berbayar, kecairan kewangan dan lokasi syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia dengan pelarasan audit (ketidakpatuhan cukai syarikat). Adalah perlu diketahui sama ada terdapat perbezaan signifikan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar dengan membandingkan nilai P (P-value) dan nilai signifikan. Nilai signifikan dalam kajian ini adalah di bawah nilai 0.05. Berdasarkan Jadual 4.8 menunjukkan keputusan analisa regresi *ANOVA* antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.

Jadual 4.8
Keputusan Model Analisis Regresi Berganda

Pembolehubah	B	Standardized Beta	t	Sig.
Pemalar	4.257		46.364	.000
Location	-.016	-.007	-.319	.750
Industri2	.041	.026	.968	.333
Industri3	-.034	-.019	-.698	.485
Size2	-.177	-.048	-2.348	.019
Size4	.169	.102	4.860	.000
Size5	.794	.179	8.275	.000
Liquidity2	-.027	-.012	-.598	.550
Liquidity3	-.011	-.002	-.103	.918
Size_Capital	.285	.088	4.077	.000
R ²	0.064			
R ² terlaras	0.061			
Nilai-F	17.472 (p < 0.001)			

Nota: Adjusted R Square = xxxx, F-statistic = xxx, Sig at 0.000

Berdasarkan keputusan hasil ujian analisis regresi *ANOVA* di Jadual 4.8 bagi menjawab persoalan Hipotesis 1, didapati ketidakpatuhan cukai syarikat dengan jenis

sub-industri syarikat adalah tidak signifikan dan dapat dilihat pada Jadual 4.8 (nilai- $p > 0.05$). Dengan demikian Hipotesis 1 yang menyatakan terdapat perbezaan signifikan antara jenis sub-industri syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat adalah ditolak.

Keputusan hasil ujian multikolineariti di Jadual 4.3 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pembolehubah saiz syarikat berdasarkan jualan antara RM1,000,001 hingga RM10,000,000 (Size3) dalam ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia. Nilai toleransi kurang daripada 0.1 dan nilai VIF melebihi 10.0 tidak menyokong hipotesis yang dicadangkan.

Manakala bagi menjawab persoalan Hipotesis 2 berdasarkan ujian analisis regresi *ANOVA*, pembolehubah saiz syarikat berdasarkan jumlah jualan antara RM500,001 hingga RM1,000,000 (Size2), jumlah jualan antara RM10,000,001 hingga RM100,000,000 (Size4), jumlah jualan melebihi RM100,000,001 (Size5) dan saiz syarikat berdasarkan modal berbayar RM2.5 juta dan ke atas (Size_Capital) menyumbang secara signifikan terhadap jumlah pelarasan audit (nilai- $p < 0.05$) seperti dinyatakan dalam Jadual 4.8 (nilai- $p < 0.05$). Ini bermaksud bahawa keempat-empat saiz syarikat ini merupakan penentu kepada ketidakpatuhan cukai.

Dengan menetapkan saiz syarikat kurang dari RM500,000 sebagai rujukan, didapati log ketidakpatuhan bagi saiz syarikat antara RM500,001 hingga RM1,000,000 (Size2) lebih rendah sebanyak 0.177 berbanding saiz syarikat kurang dari RM500,000. Bagi setiap pertambahan 1 unit dalam saiz syarikat berdasarkan jumlah jualan antara RM500,001 hingga RM1,000,000, dapat diramal bahawa terdapat penurunan sebanyak 17.7% dalam jumlah pelarasan audit.

Begitu juga apabila saiz syarikat kurang dari RM500,000 ditetapkan sebagai nilai rujukan, didapati log ketidakpatuhan bagi saiz syarikat antara RM10,000,001 hingga RM100,000,000 (Size4) lebih tinggi sebanyak 0.169 berbanding saiz syarikat kurang dari RM500,000. Seterusnya dengan menetapkan saiz syarikat kurang dari RM500,000 sebagai nilai rujukan, didapati log ketidakpatuhan bagi saiz syarikat melebihi RM100,000,001 (Size5) lebih tinggi sebanyak 0.794 berbanding saiz syarikat kurang dari RM500,000.

Dengan demikian Hipotesis 2 yang menyatakan terdapat perbezaan signifikan antara saiz syarikat berdasarkan jualan dan ketidakpatuhan cukai syarikat adalah diterima. Hubungan negatif dicatatkan saiz syarikat yang mempunyai jumlah jualan antara RM500,001 hingga RM1,000,000 (Size2). Manakala hubungan berbentuk positif direkodkan untuk saiz syarikat yang mempunyai jualan RM10,000,001 hingga RM100,000,000 (Size4) dan saiz syarikat yang mempunyai jualan melebihi RM100,000,001 (Size5).

Seterusnya didapati perbezaan antara ketidakpatuhan cukai syarikat dengan saiz syarikat berdasarkan modal berbayar adalah signifikan dan dapat dilihat pada Jadual 4.8 (nilai- $p < 0.05$). Dengan menetapkan saiz syarikat berdasarkan modal berbayar kurang RM2.5 juta sebagai rujukan, didapati log ketidakpatuhan bagi saiz syarikat berdasarkan modal berbayar RM2.5 juta dan ke atas (Size_Capital) lebih tinggi sebanyak 0.285 berbanding saiz syarikat berdasarkan modal berbayar kurang RM2.5 juta. Bagi setiap pertambahan 1 unit dalam saiz syarikat berdasarkan modal berbayar, dapat diramal bahawa terdapat peningkatan sebanyak 28.5% dalam jumlah pelarasan audit. Dengan demikian hipotesis yang menyatakan terdapat hubungan antara saiz

syarikat berdasarkan modal berbayar dan ketidakpatuhan cukai syarikat adalah diterima.

Bagi menjawab persoalan Hipotesis 3, didapati bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan antara ketidakpatuhan cukai syarikat dengan kecairan kewangan syarikat dan dapat dilihat pada Jadual 4.8 (nilai- $p > 0.05$). Dengan demikian Hipotesis 3 yang menyatakan terdapat perbezaan signifikan antara kecairan kewangan syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat adalah ditolak.

Bagi menjawab persoalan Hipotesis 4, didapati perbezaan signifikan antara ketidakpatuhan cukai syarikat dengan lokasi syarikat adalah tidak signifikan dan dapat dilihat pada Jadual 4.8 (nilai- $p > 0.05$). Dengan demikian Hipotesis 4 yang menyatakan terdapat perbezaan signifikan antara lokasi syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat adalah ditolak.

Daripada Jadual 4.8, nilai pekali penentu terlaras (R^2 terlaras) adalah 0.061. Ini menunjukkan sebanyak 6.1% varians dalam pelarasan audit (ketidakpatuhan cukai) dapat diterangkan oleh kesemua pembolehubah tidak bersandar dalam model. Nilai R^2 terlaras yang rendah menunjukkan bahawa kebanyakan pembolehubah peramal yang digunakan tidak berupaya menggambarkan kemungkinan terdapat perbezaan signifikan dalam ketidakpatuhan cukai syarikat. Hanya 6.1% varians perbezaan dalam ketidakpatuhan cukai syarikat dapat diterangkan oleh pembolehubah jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia.

Secara keseluruhannya berdasarkan analisis ujian regresi yang dijalankan di atas, didapati keputusan kajian ke atas perbezaan ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia tidak menyokong ketiga-tiga hipotesis yang dicadangkan berikut:

H1: Terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis sub-industri syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia.

H3: Terdapat perbezaan signifikan antara kecairan kewangan syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia.

H4: Terdapat perbezaan signifikan antara lokasi syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia.

Manakala untuk kajian perbezaan ketidakpatuhan cukai syarikat di antara saiz syarikat, didapati ianya menyokong hipotesis yang dicadangkan berikut:

H2: Terdapat perbezaan signifikan antara saiz syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia.

4.7 Ringkasan Bab

Bab ini telah membincangkan hasil kajian menggunakan ujian kekerapan dan min bagi mengetahui jenis sub-industri tertinggi tidak patuh cukai dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan dan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik ke atas pembolehubah jenis sub-industri, saiz syarikat berdasarkan jualan, saiz syarikat berdasarkan modal berbayar, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat

terhadap ketidakpatuhan cukai syarikat (jumlah pelarasan audit) dalam industri tersebut di Malaysia. Hasil kajian mendapati jenis sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan adalah daripada sub-industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal manakala saiz syarikat mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai syarikat di mana perbezaan wujud di antara saiz syarikat dalam penentu tindakan ketidakpatuhan cukai. Walau bagaimanapun, jenis sub-industri, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat tidak mempunyai hubungan yang signifikan yang tidak memberi sebarang perbezaan dengan ketidakpatuhan cukai syarikat. Perbincangan berkenaan keputusan hasil kajian, serta cadangan dan kesimpulan dibincangkan dalam bab seterusnya.



BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan berkenaan hasil penemuan kajian yang dijalankan bermula dengan perbincangan keputusan hipotesis kajian hasil daripada analisa data. Perbincangan seterusnya adalah berkenaan implikasi daripada penemuan kajian serta cadangan bagi mempertingkatkan kerja-kerja audit cukai. Akhir sekali limitasi kajian, cadangan kajian akan datang dan rumusan kajian turut dibincangkan pada akhir bab ini.

5.2 Perbincangan Keputusan Kajian

Objektif kajian menjurus kepada dua perkara utama iaitu mengetahui jenis sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai dikalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia dan menyiasat sama ada jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat mempunyai perbezaan yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai syarikat dikalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia. Sebanyak 2,303 data penyelesaian kes audit luar syarikat bagi industri tersebut untuk tahun 2015 yang diperolehi daripada LHDNM digunakan kajian ini. Manakala, hipotesis kajian adalah jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat mempunyai perbezaan yang signifikan dalam ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia.

5.2.1 Jenis Sub-Industri Tertinggi Tidak Patuh Cukai Dalam Industri Permotoran, Pemborongan dan Peruncitan Di Malaysia

Hasil kajian mendapati jenis sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan adalah daripada sub-industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal iaitu berdasarkan keputusan analisa kekerapan (*frequency*) dan min yang dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan kekerapan (*frequency*) dan min tertinggi adalah dari sub-industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal. Hasil kajian ini selari dengan hasil kajian oleh Marshadi et al. (2016) yang mendapati terdapat sub-industri tertentu yang dominan tidak patuh cukai dalam kumpulan industri pembinaan.

Oleh itu, keputusan hasil kajian ini telah memberi nilai tambah ke atas hasil kajian terdahulu kerana dapatan kajian telah menghasilkan penemuan dalam sub-industri baru. Walau bagaimanapun, berdasarkan keputusan kajian *ANOVA* antara tiga sub-industri yang dikaji menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara ketidakpatuhan cukai syarikat dengan ketiga-tiga sub-industri tersebut. Ini bermaksud walaupun terdapat sub-industri tertentu yang tertinggi tidak patuh dikalangan industri permotoran, pemborongan dan peruncitan namun didapati tidak terdapat perbezaan signifikan antara ketidakpatuhan cukai syarikat dengan ketiga-tiga sub-industri tersebut secara statistik.

5.2.2 Perbezaan Signifikan Jenis Sub-Industri, Saiz Syarikat, Kecairan Kewangan Syarikat dan Lokasi Syarikat Dengan Ketidakpatuhan Cukai Syarikat Dalam Industri Permotoran, Pemborongan dan Peruncitan di Malaysia

Hipotesis pertama yang menyatakan terdapat perbezaan signifikan antara jenis sub-industri dengan ketidakpatuhan cukai syarikat telah ditolak kerana keputusan analisa regresi *ANOVA* menunjukkan ianya tidak mempunyai perbezaan signifikan dalam aktiviti ketidakpatuhan cukai syarikat. Dapatan ini berbeza dengan kajian terdahulu seperti Rice (1992), Hanlon et al. (2007), Mohd Nor et al. (2010), Ming et al. (2013) dan Mohd Yusof et al. (2014) yang mendapati bahawa jenis sub-industri berkaitan dengan ketidakpatuhan cukai. Namun begitu keputusan dalam kajian ini konsisten dengan penemuan kajian oleh Tedds (2006) yang menyatakan tiada perbezaan yang signifikan dalam ketidakpatuhan cukai di antara jenis industri disebabkan takrifan jenis industri itu sendiri yang amat luas.

Hipotesis kedua kajian menyatakan terdapat perbezaan signifikan antara saiz syarikat dengan ketidakpatuhan cukai. Keputusan ujian analisa regresi *ANOVA* menunjukkan saiz syarikat berdasarkan jualan dan saiz syarikat berdasarkan modal berbayar menyokong hipotesis kedua yang dibangunkan kerana ianya mempunyai perbezaan yang signifikan dengan aktiviti ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia. Dapatan ini turut disokong dengan kajian oleh Sapiei et al. (2014) di mana ketidakpatuhan cukai adalah di kalangan syarikat bersaiz sederhana dengan jualan tahunan antara RM100 juta hingga RM500 juta berbanding syarikat yang bersaiz kecil. Hasil kajian ini juga konsisten

dengan Mohd Yusof et al. (2014) yang mendapati saiz PKS yang kecil adalah lebih tidak patuh cukai berbanding saiz PKS besar berdasarkan kepada kawalan dalaman dan keupayaan takbir urus perakaunan dalam syarikat.

Hipotesis ketiga yang menyatakan terdapat perbezaan signifikan antara kecairan kewangan dengan ketidakpatuhan cukai syarikat telah ditolak. Berdasarkan dapatan ujian regresi *ANOVA* menunjukkan kecairan kewangan syarikat tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia. Dapatan ini berbeza dengan kajian terdahulu seperti Spathis (2002), Md Noor et al. (2009) dan Md Yassin et al. (2010) yang mendapati bahawa kecairan kewangan berkaitan dengan ketidakpatuhan cukai syarikat. Namun begitu keputusan dalam kajian ini berpadanan dengan kajian oleh Mohd Yusof et al. (2014) yang mendapati kecairan kewangan syarikat tidak memberi kesan ke atas ketidakpatuhan cukai syarikat.

Akhir sekali, berdasarkan dapatan analisa regresi *ANOVA* yang menunjukkan faktor lokasi syarikat tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dengan ketidakpatuhan cukai. Dengan itu hipotesis keempat juga telah ditolak. Dapatan kajian oleh kajian literatur terdahulu oleh Zakaria et al. (2016) yang menggunakan data audit LHDNM untuk tahun 2011 mendapati bahawa lokasi syarikat di luar bandar adalah lebih tidak patuh cukai berbanding syarikat di kawasan bandar. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Ayanda dan Laraba (2011) yang menyokong bahawa lokasi perniagaan tidak memberi impak kepada ketidakpatuhan cukai. Kajian mereka berpendapat latarbelakang pengurusan syarikat dan status pemilikan syarikat didapati turut sama

mengurangkan kepatuhan cukai tanpa mengambilkira lokasi perniagaan berada.

Ringkasan keputusan kajian untuk setiap hipotesis dinyatakan di Jadual 5.1 di bawah:

Jadual 5.1

Ringkasan Keputusan Kajian

Pembolehubah	Hipotesis	Keputusan
Jenis sub-industri	H ₁ : Terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis sub-industri syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia.	Tiada perbezaan signifikan
Saiz Syarikat	H ₂ : Terdapat perbezaan signifikan antara saiz syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia.	Mempunyai perbezaan signifikan
Kecairan Kewangan Syarikat	H ₃ : Terdapat perbezaan signifikan antara kecairan kewangan syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia.	Tiada perbezaan signifikan
Lokasi Syarikat	H ₄ : Terdapat perbezaan signifikan antara lokasi syarikat dan ketidakpatuhan cukai syarikat di Malaysia.	Tiada perbezaan signifikan

5.3 Implikasi Kajian dan Cadangan Penambahbaikan

Berdasarkan perbincangan di atas, implikasi kajian ini dapat menyumbang dan memberi manfaat kepada secara teori dan praktikal kepada pihak berkaitan. Implikasi kepada kedua-dua bidang dibincangkan seperti berikut:

5.3.1 Implikasi Teori

Kajian ini secara amnya adalah berperanan dalam memberi nilai tambah kepada kepada literatur cukai sedia ada mengenai ketidakpatuhan cukai syarikat melalui penggunaan data sebenar penyelesaian audit luar syarikat melalui beberapa pendekatan perolehan data sekunder dan analisis data menggunakan *SPSS* yang masih kurang diperjelaskan oleh para pengkaji lepas. Secara khusus, kajian ini menyumbang

kepada ketidakpatuhan cukai dalam industri terpilih iaitu permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia yang mana masih tiada kajian ketidakpatuhan cukai dibuat menjurus kepada industri ini. Rumusan kepada kajian ini dilihat pada dapatan kajian yang mengenalpasti jenis sub-industri tertinggi tidak patuh cukai dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia dan sama ada faktor-faktor seperti jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat mempunyai perbezaan signifikan kepada ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri tersebut di Malaysia.

Secara ringkasnya, sub-industri tertinggi tidak patuh cukai adalah sub-industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal. Dapatan kajian ini turut mendapati saiz syarikat berdasarkan jumlah jualan yang dilaporkan dan berdasarkan jumlah modal berbayar oleh syarikat mempunyai perbezaan yang signifikan kepada ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia melalui analisis regresi *ANOVA* yang dilakukan. Selain sumbangan kepada bidang ilmu, dapatan kajian daripada kajian ini turut bermanfaat untuk dijadikan sebagai input kepada LHDNM dalam usaha untuk menambah baik pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan. Melalui dapatan kajian ini, segmentasi sub-industri yang bermasalah dapat dikenalpasti iaitu sub-industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal serta faktor ketidakpatuhan iaitu saiz syarikat perlu diberi lebih perhatian dalam pemilihan kes berpotensi untuk diaudit. Selain itu, dengan adanya dapatan kajian mengenai saiz syarikat yang signifikan dalam ketidakpatuhan cukai syarikat ini juga diharap dapat membantu pegawai audit cukai LHDNM dalam melaksanakan kerja-kerja pengauditan syarikat dengan lebih cekap dan efektif.

5.3.2 Implikasi Praktikal

Secara praktikal, hasil kajian ini memberi input positif kepada pihak berkuasa cukai untuk terus mengukuhkan dan mengekalkan tadbir urus sistem percukaian terutamanya di Malaysia. Langkah-langkah seperti memperluaskan aktiviti audit cukai, meningkatkan penguatkuasaan undang-undang dan hebahan maklumat cukai melalui media masa boleh dilaksanakan bagi meperkukuhkan lagi asas pentadbiran cukai negara.

Pengauditan cukai di LHDNM diperluaskan bermula pada tahun 2001 sejak STS diperkenalkan di Malaysia. Namun, ketidakpatuhan cukai syarikat masih mencatatkan peningkatan walaupun selepas 15 tahun STS diperkenalkan. Ini berdasarkan kepada peningkatan kutipan cukai dan penalti audit yang mencatatkan kenaikan sebanyak 40% berjumlah RM7,783.69 juta untuk tahun 2015 berbanding tahun 2014. Oleh itu, berdasarkan kepada dapatan kajian ini yang mendapati saiz syarikat mempunyai perbezaan yang signifikan kepada ketidakpatuhan cukai syarikat, tumpuan pengauditan syarikat boleh diperluaskan tanpa menumpukan kepada syarikat besar semata kerana PKS juga didapati signifikan dengan ketidakpatuhan cukai. Langkah LHDM dalam melaksanakan sistem pemencaran fail syarikat yang dimulakan pada tahun 2013 dalam usaha memperluaskan liputan audit bagi mempertingkatkan keberkesanan audit cukai dikalangan syarikat sama ada yang berada di bandar atau luar bandar dilihat satu langkah yang proaktif dalam meningkatkan pematuhan cukai. Ini kerana sebelum pemencaran fail dijalankan, unit pengauditan syarikat hanya berada di cawangan besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Sabah dan Sarawak yang mana pengauditan lebih tertumpu ke atas syarikat bersaiz besar dan kurang menyeluruh.

Di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967 jumlah penalti untuk kesalahan tidak melaporkan pendapatan sebenar di dalam BNCP dan tidak memberikan maklumat yang tepat mengenai tanggungan sendiri atau orang lain adalah bersamaan dengan nilai terkurang lapor tersebut. Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia telah menguatkuasakan kadar penalti sebanyak 45% bagi tahun 2015. Berdasarkan peningkatan kutipan audit setiap tahun, kemungkinan penalti yang dikenakan adalah tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Situasi ini menyebabkan pembayar cukai tidak gentar untuk melakukan kesalahan. Oleh itu, kadar penalti yang lebih tinggi perlu dikuatkuasakan terutama untuk kes kesalahan yang berulang oleh pembayar cukai. Seksyen 112 dan Seksyen 114 memperuntukan denda antara RM200 hingga RM2,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali dan denda antara RM1,000 hingga RM20,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali untuk kesalahan di bawah seksyen tersebut.

Walaupun peruntukan berkaitan menetapkan pesalah cukai dikenakan hukuman penjara, namun sehingga kini pelaksanaannya masih terlalu sedikit malahan kebanyakan pesalah cukai hanya perlu membayar denda yang kecil dibandingkan dengan jumlah pendapatan yang tidak dilaporkan. Hukuman penjara seperti yang dinyatakan dibawah seksyen 112 dan seksyen 114 perlu dilaksanakan kepada pesalah cukai kerana denda dan penalti sahaja tidak mencukupi. Hukuman yang lebih berat seperti hukuman penjara yang singkat juga seharusnya menjadi salah satu cara untuk memberi pengajaran kepada pembayar cukai lain. Pada masa yang sama hukuman berkenaan boleh menjadi amaran kepada sesiapa sahaja yang mempunyai niat untuk melakukan kesalahan tersebut.

Pihak berkuasa cukai bukan sekadar mengadakan bengkel atau seminar dalam usaha mendedahkan kepada pembayar cukai kepada aspek teknikal namun perlu diperluaskan kepada nilai etika ke arah persekitaran pematuhan cukai (Choong & Lai, 2008). Oleh itu, adalah dicadangkan agar LHDNM meningkatkan laporan mengenai aktiviti penguatkuasaan bagi maklumkan kepada orang ramai berkenaan usaha yang telah diambil dalam mengekang ketidakpatuhan cukai seperti pelaksanaan audit cukai bersepadu yang dijalankan secara besar-besaran seluruh Malaysia yang dimulakan pada tahun 2016 dan maklumat pesalah cukai perlu disalurkan di media masa secara lebih meluas bagi memberi kesedaran dan amaran kepada semua pembayar cukai lain agar tidak melakukan kesalahan yang sama.

5.4 Limitasi Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi kajian. Data populasi yang dianalisis adalah data sekunder yang diperolehi daripada LHDNM yang hanya tertumpu kepada kes penyelesaian audit luar syarikat dari satu industri sahaja iaitu industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia untuk tahun 2015. Oleh itu, keputusan kajian ini tidak boleh dijadikan rumusan menyeluruh berkaitan ketidakpatuhan cukai untuk keseluruhan syarikat di Malaysia.

Limitasi kedua ialah bentuk ketidakpatuhan cukai syarikat yang dikaji hanyalah dibawah peruntukan subseksyen 113 ACP 1967 iaitu pengukuran ketidakpatuhan adalah berdasarkan pelarasan audit disebabkan perlakuan tidak melaporkan pendapatan dengan betul atas isu audit seperti jualan kurang lapor, belian dan perbelanjaan lebih tuntutan. Bentuk ketidakpatuhan ini hanya mengkaji satu daripada empat komponen ketidakpatuhan di Malaysia berdasarkan peruntukan ACP 1967.

Melalui peruntukan ACP 1967, LHDNM menguatkuasakan empat bentuk ketidakpatuhan cukai iaitu Seksyen 112 berkaitan kegagalan menghantar borang cukai, Seksyen 77(1)(a), (b) dan 77A(1) berkaitan tarikh/tempoh pengemukaan borang cukai, Seksyen 113 dan 114 merujuk kepada perlakuan tidak melaporkan pendapatan, Seksyen 103(1) merujuk kepada kegagalan membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan.

5.5 Cadangan Kajian Akan Datang

Hasil kajian Ming et al. (2013) mendapati tiga industri utama syarikat yang tidak patuh cukai adalah pembinaan, pengilangan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, kajian faktor ketidakpatuhan cukai mengikut industri tertentu di Malaysia hanya dijalankan oleh Mashadi et al. (2016) iaitu ke atas industri pembinaan. Berdasarkan kepada data audit melalui aktiviti pematuhan audit mengikut segmen yang dilaksanakan oleh LHDNM pada tahun 2016, industri komunikasi dan maklumat mencatatkan peningkatan kutipan jumlah cukai dan penalti audit sebanyak 1,150% berbanding tahun 2015 diikuti dengan tiga industri lain iaitu industri pembentungan (66%), industri profesional, teknikal dan saintifik (41%) serta industri perkilangan (30%). Kajian ketidakpatuhan cukai syarikat seterusnya boleh dijalankan ke atas industry-industri ini supaya rumusan menyeluruh berkenaan faktor ketidakpatuhan cukai dapat dibincangkan.

Selain itu, kajian ini dibuat ke atas empat faktor penentu ketidakpatuhan cukai iaitu jenis sub-industri, saiz syarikat, kecairan kewangan syarikat dan lokasi syarikat. Faktor penentu seperti kadar cukai marginal boleh dipertimbangkan untuk kajian seterusnya berikutan kadar cukai untuk syarikat di bawah modal berbayar RM2.5 juta ke bawah

diturunkan secara berperingkat mulai tahun taksiran 2016 iaitu bagi tiap-tiap RM500,000 pertama kadar cukai adalah 19% dan bagi tiap-tiap ringgit yang melebihi RM500,000 kadar cukai adalah 24% bermula tahun taksiran 2016. Manakala bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran berikutnya bagi tiap-tiap RM500,000 pertama kadar cukai adalah 18% dan bagi tiap-tiap ringgit yang melebihi RM500,000 kadar cukai adalah 24%. Kajian boleh dijalankan untuk melihat perbezaan signifikan penurunan kadar cukai marginal kepada ketidakpatuhan cukai syarikat terutamanya ke atas PKS. Adalah diharapkan kajian ini dapat diteruskan dengan menggunakan data audit terkini yang boleh memberi nilai tambah kepada bidang ilmu selain turut memberi sumbangan kepada pihak pentadbir cukai.

5.6 Rumusan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya menjawab persoalan kajian dan keputusan kajian yang diperolehi melalui analisa menggunakan sistem *SPSS* adalah mencukupi untuk menyediakan bukti mengenai pengujian kesemua hipotesis. Sebagaimana yang diketahui umum, tidak banyak kajian empirikal berkenaan ketidakpatuhan cukai menggunakan data sebenar yang diperolehi daripada pihak penguasa cukai dan menjurus kepada industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia. Oleh itu kajian ini menggunakan data sebenar audit cukai tahun 2015 bagi mengukur perbezaan ketidakpatuhan cukai syarikat berdasarkan peruntukan dan undang-undang percukaian.

Melalui dapatan daripada kajian ini, segmentasi sub-industri yang tertinggi tidak patuh cukai dapat dikenalpasti iaitu industri perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal dan didapati saiz syarikat mempunyai perbezaan yang

signifikan dengan ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri permotoran, pemborongan dan peruncitan di Malaysia. Sebaliknya, tiada perbezaan yang signifikan dilaporkan antara jenis sub-industri, kecairan kewangan dan lokasi syarikat dengan ketidakpatuhan cukai syarikat dalam industri ini.

Implikasi dan limitasi kajian juga dibincangkan dalam bab ini termasuk cadangan kajian untuk masa depan. Dapatan kajian ini boleh menyediakan suatu platform penting bukan sahaja kepada penguasa cukai di Malaysia tetapi juga kepada para pengkaji dan ahli akademik bahawa masalah ketidakpatuhan cukai merupakan satu masalah sejagat yang memerlukan kerjasama semua pihak untuk mengatasinya.



RUJUKAN

- Abdul Jabbar, H. (2009). Income Tax Non-compliance of Small and Medium Enterprise in Malaysia: Determinants and Tax Compliance Costs. *Curtin University of Technology*.
- Abdul Mansor, H., & Mohd Hanefah, M. (2008). Tax compliance costs of Bumiputera small and medium enterprises in Northern Malaysia. *International Journal of Management Studies*, 15(1), 21-42.
- Abdul Wahab, N. (2015). Corporate Tax in Malaysia: Revenue, Collection and Enforcement. *International Conference on Social Science Research*, eISBN: 978-967-0792-04-0 WorldConference.net.
- Akta Cukai Pendapatan 1967, Pub. L. No. Akta 53 (2006). Malaysia: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Alm, J. (1999). Tax Compliance and Administration. *Public Administration and Public Policy*, 72, 741-768.
- Andreoni, J., Erard, B., & Feinstein, J. (1998). Tax Compliance. *Journal of Economic Literature*, 818-860.
- Atawodi, O. W., & Ojeka, S. A. (2012). Factors That Affect Tax Compliance among Small and Medium Enterprises (SMEs) in North Central Nigeria. *International Journal of Business and Management*, 87-96.
- Australia Taxation Office. (2007). Improving Tax Compliance in the Cash Economy - A Developed Economy Perspective on Informal Sector Issue Purpose : Information Submitted by : Australia. In *25th Small and Medium Enterprise Working Group Meeting*, 7.

- Ayanda, A. M., & Laraba, A. S. (2011). Small and Medium Scale Enterprise as A Survival Strategy for Employment Generation in Nigeria. *Journal of Sustainable Development*, 4(1), 200-206.
- Bankman, J. (2007). Eight truths about collecting taxes from the cash economy. *Tax Notes*, 117, 506-507.
- Belkaoui, A. R. (2004). Relationship Between Tax Compliance Internationally and Selected Determinants of Tax Morale. *Journal of International Accounting, Auditing and Taxation*, 13, 135-143.
- Bradley, F. C. (1994). *An Empirical Investigation of Factors Affecting Corporate Tax Compliance Behavior*. University of Alabama.
- Brown, R., & Mazur, M. (2003). IRS's Comprehensive Approach to Compliance Measurement by. *National Tax Association Spring Symposium*, (pp. 1-18). Washington DC. Retrieved from <https://www.irs.gov/pub/irs-soi/mazur.pdf>
- Chan, H. K., & Mo, P. L. (2000, October). Tax Holidays and Tax Noncompliance: An Empirical Study of Corporate Tax Audits in China's Developing Economy. *The Accounting Review*, 469-484.
- Chau, G., & Leung, P. (2009). A Critical Review of Fischer Tax Compliance Model: A Research Synthesis. *Journal of Accounting and Taxation*, 1-(2).
- Choong, K. F. & Lai, M. L. (2008). Tax Audit and Tax Evasion Under the Self-assessment System: Survey Evidence in Malaysia. *Malayan Law Journal*, p65-74.
- Chung, J., & Trivedi, V. U. (2003). The Effect of Friendly Persuasion and Gender on Tax Compliance Behavior. *Journal of Business Ethics*, 47(2), 133-145.
- Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

- Devos, K. (2008). Tax Evasion Behaviour and Demographic Factors: An Explanatory Study in Australia. *Revenue Law Journal*, 18(1), 1.
- Fisher, C. M., Wartick, M., & Mark, M. M. (1992). Detection probability and taxpayer compliance: a review of the literature. *Journal of Accounting Literature*, 1-46.
- Gauthier, B., & Gersovitz, R. (2006). Shifting Tax Burdens Through Exemptions and Evasion, An Empirical Investigation of Uganda. *Journal of African Economic*, 373-398.
- Hai, O., & See, L. (2011). Behavioral intention of tax non-compliance among sole-proprietors in Malaysia. *International Journal of Business and Socia; Science*, 142-152.
- Hanlon , M., Mills, L., & Slemrod , J. (2007). An Empirical Examination of Corporate Tax Noncompliance. *Taxing Corporate Income in the 21st Century*, Ann Arbor, 171-210.
- Hanlon, M., & Heitzman, S. (2010). A Review of Tax Research. *Journal of Accounting and Economic*, 50, 127-178.
- Jackson, B. R., & Millron, V. C. (1986). Tax Compliance Research: Finding, Problem and Prospects. *Journal of Accounting Literature*, 5, 125-165.
- Josephine, H. (2013). Enforcement Trend and Compliance Challengers : Malaysia's Experience. *The Fourth IMF-Japan High Level Tax Conference for Asian Countries* (p. 35). Tokyo.
- Joulfaian, D. (2000, November). Corporate Income Tax Evasion and Managerial Preferences. *The Review of Economics and Statisics*, 698-701.
- Juahir, M. N., Norsiah, A., & Norman M. S. (2010). Fraudulent Financial Reporting and Company Characteristics: Tax Audit Evidence. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, 128-142.

- Kamdar, N. (1997). Corporate Income Tax Compliance: A Time Series Analysis. *Atlantic Economic Journal*, 37-49.
- Kasipillai, J., & Baldry, J. (1998, February). What do Malaysian taxpayers know? *The Malaysian Accountant*, 2-7.
- Kasipillai, J., & Hijattulah Abdul Jabbar. (2006). Gender and Ethnicity Differences in Tax Compliance. *Asian Academy of Management Journal*, 11(2), 73-88.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2015). *Laporan Ekonomi 2015/2016*. Malaysia: MOF.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2016). *Laporan Ekonomi 2016/2017: Prestasi ekonomi dan prospek*. Malaysia: MOF
- Khadijah, I., & Pope, J. (2010). Corporate Taxpayer's Compliance Variables: Findings from Study of Focus Group in Malaysia. In *International Tax Administration: Building Bridges*, Datt, K., Tran-Nam, B., & Bain, K. CCH Australia Limited: Sydney, 9-24.
- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. (2015). *Laporan Tahunan 2015*. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) .
- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. (2018). *Laman Web Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia*. Retrieved from <http://www.hasil.gov.my/home/lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KodPerniagaan>.
- Lymer, A., & Oats, L. (2009). *Taxation: Policy and Practice*. Birmingham: Fiscal Publications.
- Mashadi, A. M., Ramli, R., Palil M. R., & Jaffar, R. (2016). Bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai: Kajian ke atas Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) sektor pembinaan di Malaysia. *E-Academia Journal UiTMT*, 5(1).

- McKerchar, M. (2010). *Design and conduct of research in tax, law and accounting*. Sydney: Thompson Reuters.
- Md Noor, R., Mastuki, N., Ismail, N., & Abdul Aziz, A. (2009). "Tax evasion: evidence from tax investigation cases in Malaysia". *paper presented at the Asia Pacific International Conference on Forensic Accounting & Financial Criminology, Menara Kuala Lumpur, June 16-17, 79-89*.
- Md Yassin, Z., Hasseldine, J., & Paton, D. (2010). An analysis of tax non-compliance behaviour of small and medium-sized corporations in Malaysia", in Datt, K., Tran-Nam, B. and Bain, K. (Eds). In *International Tax Administration; Building Bridges*, Sydney: CCH Australia Limited, 9-24
- Ming, L., Yaacob, Z., Omar, N., Abdul Aziz, N., & Bee, W. Y. (2013). Examining Corporate Tax Evaders: Evidence from the Finalized Audit Cases. *World Academy of Science, Engineering and Technology*(78(6)), 396-400.
- Mohd Kasim, F. (2016). Corporate Tax Avoidance: Determinants of Effective Tax Rate (ETR) of Multinational Corporations in Malaysia. *Master Dissertation*. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Nor, J., Ahmad, N., & Mohd Saleh, N. (2010). Fraudulent financial reporting and company characteristics: tax audit evidence. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, 8(2), 1985-2517.
- Mohd Yusof, N., Ming Ling, L., & Bee Wah, Y. (2014). Tax non-compliance among SMCs in Malaysia: tax audit evidence. *Journal of Applied Accounting Research*, 215-234.
- Morse, S., Karlinsky, S., & Bankman, J. (2009). *Cash Businesses and Tax Evasion*. Stanford University School of Law, 20, 37-67.
- Nur-Tegin, K. (2008). Determinants of Business Tax Compliance. *The B.E. Journal of Economic Analysis & Policy*, 8(1).

- Organization for Economic Co-operation and Development (OECD). (2004). *Establishing an Open and Non-Discriminatory Business Environment*,. Paris: Centre for Tax Policy and Administration.
- Organization for Economic Co-operation and Development (OECD). (2010). *Forum on tax administration: Small/Medium Enterprise (SME) compliance group – understanding and influencing taxpayers' compliance variable*. Centre for Tax Policy and Administration.
- Palil, M. R. (2010). Tax Knowledge and Tax Compliance Determinants in self Assessment System in Malaysia. *University of Birmingham*. Retrieved from <http://etheses.bham.ac.uk/1040/>
- Palil, M., & Mustapha, A. (2011). Determinants of Tax Compliance in Asia: A case of Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, 7-32.
- Palil, M., & Mustapha, A. (2011). Factor Affecting Tax Compliance Behavior in Self Assessment System. *African Journal of Business Management*, 5(33), 12864-12872.
- Rice, E. M. (1992). *The Corporate Tax Gap: Evidence on Tax Compliance by Small Corporations*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Roth, J., Scholz, J., & Witte, A. (1989). Taxpayer Compliance: Volume 1, An Agenda for Research.
- Rotz, W., Mulrow, J., & Falk, E. (1994). The 1995 Tax Payer Compliance Measurement Program (TCMP) Sample Redesign: A Case History. in Jamerson, B., and Alvey, W. In *Turning Administrative Systems Into Information Systems*, United States: Internal Revenue Service, 121-126.
- Saad, N. (2012). Tax Non-Compliance Behaviour: Tax Payers View. *Procedia - Social and Behavioral Science*, 344-351.

- Singh, V. (2003). *Tax Compliance and Ethical Decision Making: A Malaysian Perspective*. (1st ed.). Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Slemrod, J., Blumenthal, M., & Charles, C. (2001). Taxpayer response to an increased probability of audit: evidence from a controlled experiment in Minnesota. *Journal of Public Economics*, 79, 455-483.
- Slemrod, J. (2007). Cheating Ourselves : The Economics of Tax Evasion. *Journal of Economic Perspective*, 21(1), 25-48.
- Spathis, C. T. (2002). "Detecting false financial statements using published data: some evidence from Greece". *Managerial Auditing Journal*, 17(4), 179-191.
- Tedds, L. M. (2010). Keeping it off the books: an empirical investigation of firms that engage in tax evasion. *Applied Economics*, 2459-2473
- Wallace, S. (2002). "Imputed and Presumptive Taxes: International Experiences and Lessons for Russia". *Andrew Young School of Policy Studies Working Paper No. 02-03*. Georgia State University, Atlanta GA.
- Wan Omar, W. P. (2018). Penentu-Penentu Ketidakpatuhan Cukai di Kalangan Syarikat Kecil dan Sederhana di Malaysia: Data Audit Cukai LHDNM. *Master Dissertation*. Universiti Utara Malaysia.
- Wentworth, D., & Rickel, A. (1985). Determinants of Tax Evasion and Compliance. *Behavioral Science & the Law*, 455-466. Retrieved from <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.102/bsl.2370030410/abstract>
- Zainal Abidin, M. Y., Hasseldine, J., & Paton, D. (2010). An Analysis of Tax Non-Compliance Behaviour of Small and Medium-Sized Corporations in Malaysia. In *International Tax Administration: Building Bridges*, Datt, K., Tran-Nam, B., & Bain, K. CCH Australia Limited: Sydney, 9-24.

Zakaria, M., Mohamad, A., & Hamid, Z. (2016). Cash economy: tax evasion amongst SMEs in Malaysia. *Journal of Financial Crime*, 974-986.

Zimmerman, J. J. (1983). Taxes and firm size. *Journal of Accounting and Economics*, 5(1), 119-149.



LAMPIRAN

Original Regression

Variables Entered/Removed^a

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	Size_Capital, Industri2, Liquidity3, Size2, Liquidity2, Location, Size4, Size5, Industri3, Size3 ^b	.	Enter

a. Dependent Variable: JumPelarasan

b. All requested variables entered.

Model Summary^b

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.255 ^a	.065	.061	.75039

a. Predictors: (Constant), Size_Capital, Industri2, Liquidity3, Size2, Liquidity2, Location, Size4, Size5, Industri3, Size3

b. Dependent Variable: JumPelarasan

ANOVA^a

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	89.991	10	8.999	15.982	.000 ^b
	Residual	1290.604	2292	.563		
	Total	1380.594	2302			

a. Dependent Variable: JumPelarasan

b. Predictors: (Constant), Size_Capital, Industri2, Liquidity3, Size2, Liquidity2, Location, Size4, Size5, Industri3, Size3

Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	Collinearity Statistics	
		B	Std. Error	Beta			Tolerance	VIF
1	(Constant)	4.102	.135		30.461	.000		
	Location	-.014	.050	-.006	-.288	.774	.979	1.021
	Industri2	.041	.042	.026	.983	.326	.566	1.768
	Industri3	-.033	.049	-.018	-.681	.496	.561	1.782
	Size2	-.025	.123	-.007	-.200	.841	.364	2.745
	Size3	.159	.101	.102	1.570	.116	.097	10.283
	Size4	.322	.103	.195	3.115	.002	.105	9.562
	Size5	.947	.137	.213	6.927	.000	.432	2.317
	Liquidity2	-.026	.046	-.011	-.562	.574	.989	1.011
	Liquidity3	.008	.112	.001	.073	.942	.979	1.021
	Size_Capital	.284	.070	.088	4.073	.000	.873	1.145

a. Dependent Variable: JumPelarasan

Collinearity Diagnostics^a

Model	Dimension	Eigenvalue	Condition	Variance Proportions					
			Index	(Constant)	Location	Industri2	Industri3	Size2	Size3
1	1	4.888	1.000	.00	.00	.01	.00	.00	.00
	2	1.084	2.123	.00	.00	.02	.10	.10	.00
	3	1.032	2.177	.00	.00	.01	.05	.00	.00
	4	1.000	2.211	.00	.00	.00	.00	.07	.01
	5	.961	2.255	.00	.00	.01	.09	.00	.00
	6	.945	2.275	.00	.00	.01	.07	.15	.00
	7	.798	2.475	.00	.00	.01	.01	.01	.00
	8	.160	5.530	.00	.11	.83	.55	.01	.00
	9	.089	7.412	.01	.80	.05	.09	.02	.03
	10	.033	12.121	.01	.01	.01	.01	.18	.27
	11	.010	22.642	.98	.07	.03	.04	.46	.68

Collinearity Diagnostics^a

Model	Dimension	Variance Proportions				
		Size4	Size5	Liquidity2	Liquidity3	Size_Capital
1	1	.00	.00	.01	.00	.00
	2	.01	.00	.03	.18	.00
	3	.00	.22	.00	.18	.00
	4	.03	.05	.00	.00	.00
	5	.00	.12	.03	.37	.00
	6	.01	.01	.11	.10	.00
	7	.00	.00	.81	.14	.00
	8	.00	.00	.00	.00	.01
	9	.03	.01	.00	.00	.08
	10	.32	.34	.00	.00	.70
	11	.60	.25	.00	.01	.21


a. Dependent Variable: JumPelarasan

Residuals Statistics^a


	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation	N
Predicted Value	4.2885	5.6595	4.6280	.19772	2303
Residual	-2.62938	2.28140	.00000	.74876	2303
Std. Predicted Value	-1.717	5.217	.000	1.000	2303
Std. Residual	-3.504	3.040	.000	.998	2303


a. Dependent Variable: JumPelarasan

Charts



Normal P-P Plot of Regression Standardized Residual





```

REGRESSION
  /MISSING LISTWISE
  /STATISTICS COEFF OUTS R ANOVA COLLIN TOL
  /CRITERIA=PIN(.05) POUT(.10)
  /NOORIGIN
  /DEPENDENT JumPelarasan
  /METHOD=ENTER Location Industri2 Industri3 Size2 Size4 Size5
  Liquidity2 Liquidity3 SizeCapital
  /SCATTERPLOT=(*ZRESID ,*ZPRED)
  /RESIDUALS HISTOGRAM(ZRESID) NORMPROB(ZRESID) .

```

Regression Revised

Variables Entered/Removed^a

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	Size_Capital, Industri2, Liquidity3, Size2, Liquidity2, Location, Size4, Size5, Industri3 ^b	.	Enter

a. Dependent Variable: JumPelarasan

b. All requested variables entered.

Model Summary^b

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.253 ^a	.064	.061	.75063

a. Predictors: (Constant), Size_Capital, Industri2, Liquidity3, Size2, Liquidity2, Location, Size4, Size5, Industri3

b. Dependent Variable: JumPelarasan

ANOVA^a

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	88.602	9	9.845	17.472	.000 ^b
	Residual	1291.992	2293	.563		
	Total	1380.594	2302			

a. Dependent Variable: JumPelarasan

b. Predictors: (Constant), Size_Capital, Industri2, Liquidity3, Size2, Liquidity2, Location, Size4, Size5, Industri3

Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	Collinearity Statistics	
		B	Std. Error	Beta			Tolerance	VIF
1	(Constant)	4.257	.092		46.364	.000		
	Location	-.016	.050	-.007	-.319	.750	.980	1.021
	Industri2	.041	.042	.026	.968	.333	.566	1.768
	Industri3	-.034	.049	-.019	-.698	.485	.561	1.781
	Size2	-.177	.075	-.048	-2.348	.019	.969	1.032
	Size4	.169	.035	.102	4.860	.000	.923	1.084
	Size5	.794	.096	.179	8.275	.000	.877	1.141
	Liquidity2	-.027	.046	-.012	-.598	.550	.989	1.011
	Liquidity3	-.011	.111	-.002	-.103	.918	.992	1.008
	Size_Capital	.285	.070	.088	4.077	.000	.874	1.145

a. Dependent Variable: JumPelarasan

Collinearity Diagnostics^a

Model	Dimension	Eigenvalue	Condition	Variance Proportions					
			Index	(Constant)	Location	Industri2	Industri3	Size2	Size4
1	1	4.400	1.000	.00	.01	.01	.01	.00	.01
	2	1.083	2.015	.00	.00	.02	.10	.30	.04
	3	1.025	2.071	.00	.00	.01	.04	.04	.01
	4	.967	2.133	.00	.00	.01	.08	.03	.02
	5	.945	2.158	.00	.00	.01	.08	.40	.08
	6	.807	2.335	.00	.00	.01	.01	.06	.02
	7	.521	2.907	.00	.01	.02	.02	.15	.78
	8	.155	5.330	.00	.19	.76	.49	.00	.01
	9	.078	7.495	.04	.67	.08	.11	.00	.02
	10	.019	15.261	.96	.12	.06	.07	.00	.01

Collinearity Diagnostics^a

Model	Dimension	Variance Proportions			
		Size5	Liquidity2	Liquidity3	Size_Capital
1	1	.00	.01	.00	.00
	2	.01	.03	.17	.00
	3	.49	.00	.20	.00
	4	.25	.03	.39	.00
	5	.03	.11	.10	.00
	6	.00	.78	.12	.00
	7	.12	.03	.02	.00
	8	.01	.00	.00	.01
	9	.03	.00	.00	.21
	10	.07	.00	.00	.78


a. Dependent Variable: JumPelarasan

Residuals Statistics^a


	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation	N
Predicted Value	4.2875	5.6612	4.6280	.19619	2303
Residual	-2.62988	2.28766	.00000	.74916	2303
Std. Predicted Value	-1.735	5.267	.000	1.000	2303
Std. Residual	-3.504	3.048	.000	.998	2303


a. Dependent Variable: JumPelarasan

Charts



Normal P-P Plot of Regression Standardized Residual
Dependent Variable: JumPelarasan





Post Hoc Scheffe

Descriptives

Jum.Pelajaran

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Minimum	Maximum
					Lower Bound	Upper Bound		
1	416	256577.6690	1300216.72440	63748.36971	131267.7074	381887.6305	342.00	17131592.00
2	1341	318646.6907	2309593.91759	63069.76869	194920.4606	442372.9207	150.00	41600000.00
3	546	191342.0935	689390.71472	29503.19898	133388.1840	249296.0030	105.00	8676255.00
Total	2303	277253.2807	1877546.45737	39124.04258	200531.2272	353975.3343	105.00	41600000.00

Industri:

1= Jualan kenderaan bermotor, komponen & penyelenggaraan;

2= Perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal;

3 =Perdagangan runcit kecuali kenderaan bermotor dan motorsikal

	Jumlah kuasa dua	df	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan	2.345	2	1.172	1.956	.142
Dalam Kumpulan	1378.250	2300	.599		
Jumlah	1380.594	2302			